

**Jilid I
Bil. 72**



**Hari Jumaat
25hb Oktober, 1991**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11905]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan)
[Ruangan 11955]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2)
[Ruangan 11957]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1990 dan Anggaran Pembangunan
(Tambahan) (Bil. 2) 1991 [Ruangan 11964]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD. D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Pctra Jaya).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

.. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

.. Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

.. Menteri Penahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAHB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- .. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S, (Kuala Pilah).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T, (Besutt).
- .. Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPIIA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CIEW PEH (Gopeng).
- .. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J, (Kota Tinggi).
- .. MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHRUDDIN (Kinabatangan).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak),
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)-
- .. Timbalan Menteri Tcnaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)-
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SUIAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, I.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEIIA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHLID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, p.i.s. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHIEKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Sctiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOIID. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Sclandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTIIMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDULRAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pcndang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., j.p. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kcmaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD, NOR BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Bctong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SIARIPP BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKKI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.H.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Pcnampang).
- „ TUAN BILYIY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mctajam).
- „ TUAN CHOR ~~CHE~~ HEUNG (Alor Sclar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S..S.S.A.P, (Mcrbok).
- „ DR V. DAYID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AIIMAD. A.M.N., p.c.K. (Jcrai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Pctani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUII AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG ~~CHOW~~ OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Pctaling Jaya).
- „ TUANLAILUN TZEE (Sandakan).
- „ TUANLAU DAK KER (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AHKIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING ~~CHOI~~ SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL I, ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, p.j.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL. BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SIARIP BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Scpang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Balu Bercendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.H.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.j. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULAH (Kimanis),
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Kcningau).

- .. TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- .. DATO' HAI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P.,P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- .. PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JARM (Serian).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (SantUboHg).
- .. TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAX SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- .. DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. TSHAH DAN BIN KASSIM # (Arau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. PUANSITIZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- .. TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- .. TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Bcsi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kcpong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN WAHAB BIN SUHALI (Batang Sadong).
- .. WAN HANAHAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Selar).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasar Puteh).
- .. TUAN WKE CNOO KHONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN WONG WING ON (Kampar).
- .. TUAN VUN SHIN CNOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- .. DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- .. TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- .. TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., p.i.s. (Scnai).
- .. TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- .. TUAN YIM CHEE CHONG (Scrcmban).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajjadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop,

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 25hb Oktober, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempe-
ngerusikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**FILEM YANG DISALURKAN
MELALUI VISION 4**

1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah filem-filem yang disalurkan ke hotel-hotel melalui vision 4 ditapis oleh Lembaga Penapis filem Negara. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa filem-filem yang mengagung-agungkan perjuangan Zionist selalu disiarkan melalui saluran ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, setiap filem yang dihantar oleh Syarikal vision 4 telah ditonton tapis oleh Lembaga Penapisan Filem mengikut garispanduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Bagi persoalan berikutnya, sukacita saya menjemput Ahli Yang Berhormat memberi tajuk-iajuk filem yang mengagung-agungkan perjuangan Zionist bagi membolehkan penyemakan dibuat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Setiausaha Parlimen memberi kriteria-kriteria yang digunakan untuk menapis filem-filem itu? Dan yang kedua, saya tidak dapatlah memberi nama-nama di sini, tetapi apabila melihat trend kadang-kadang soal propaganda Zionisme dibuat terlalu subtle. Adakah di dalam kriteria-kriteria dan garispanduan yang digunakan ini dapat mengenalpasti, dengan izin, the subtlety of the Zionist propaganda?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapisan Filem mengikut garispanduan dari segi aspek-aspek seperti berikut:

- (i) dari aspek agama;
- (ii) filem yang ngeri;
- (iii) idcntiti nasional dan unsur perpaduan;
- (iv) jenayah;
- (v) keganasan;
- (vi) nilai-nilai sosial dan kebudayaan.perkauman, politik dan seks.

Dengan garispanduan yang ditetapkan itu, selama ini Lembaga Penapisan Filem telah dapat menapis, terutamanya dari Vision 4, misalnya untuk tahun ini setakat sekarang sejumlah 276 filem telah dihantar untuk ditapis, di mana 99 telahpun dikenakan potongan. Jadi, dengan itu bermakna kawalan mengikut aspek-aspek itu memang dijalankan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan; Di dalam jawapan yang diberi itu kita dapat tahu bahawa garis panduan-garis panduan tadi tidak termasuk propaganda Zionisi. Bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan memberitahu dalam garis panduan yang mana perkara seperti ini dimasukkan, belum dimasukkan ataupun ditimbang akan dimasukkan di masa hadapan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, antara garis panduan yang telah saya sebutkan dari segi politik adalah satu cara yang kita kawal dan juga nilai-nilai sosial dan kebudayaan dan juga identiti nasional dan unsur perpaduan. Dengan adanya garis panduan itu dapatlah kita mengawal dengan rapi terhadap perjuangan Zionist itu.

KILANG MEMBUAT KONDOM

2. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hasil yang didapati oleh Kerajaan daripada kilang-kilang membuat kondom di negara ini bagi tempoh 1980-1990;
- (b) berapakah jumlah pekerja mengikut pecahan jantina yang terlibat dalam industri pembuatan kondom itu; dan
- (c) berapakah bilangan kilang-kilang membuat kondom yang masih beroperasi sekarang.

21. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kilang membuat kondom yang terdapat di negara ini sekarang, di mana ianya dan bagaimanakah prestasinya setakat ini; dan

- (b) berapakah jumlah kondom yang dieksport sekarang untuk kegunaan tempatan, nama negara-negara yang mengimportnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan bagi pertanyaan mulut yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat pada 6.12.91 kerana kedua-dua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat 9 buah kilang yang telah dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 yang beroperasi untuk mengeluar kondom, iaitu 1 di Negeri Sembilan, 4 di Johor, 2 di Selangor, 1 di Perak dan 1 di Kedah. Kesemua syarikat ini adalah merupakan syarikat-syarikat yang berorientasikan eksport.

Jumlah hasil yang diperolehi menerusi pendapatan eksport dari tahun 1980 hingga 1990 ialah, untuk tahun 1980, \$1.23 juta dan nilai ini telah meningkat tahun demi tahun hingga pada tahun 1990 kita terdapat \$9.06 juta sebagai pendapatan eksport.

Bagi kegunaan tempatan pula, jumlah kondom yang dipasarkan di dalam negeri ialah untuk tahun 1988—\$1.617 juta, 1989—\$ 1.96 juta dan 1990—\$2.19 juta.

Di antara negara-negara utama yang mengimport kondom yang dikluarkan di negara ini ialah Amerika Syarikat, Jepun, negara-negara Eropah dan Kanada. Jumlah pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dalam industri ini ialah 1,278 dan peratusan pecahan mengikut pecahan jantina dan laki-laki adalah lebih kurang sama. Dari segi

prestasi pula adalah difahamkan bahawa prestasi bagi syarikat-syarikat berkenaan adalah memuaskan. Setakat ini Kementerian belum menerima apa-apa aduan daripada pengeluar-pengeluar ini tentang masalah mendapatkan pasaran sama ada di luar atau di dalam negeri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kesan positif dan negatif yang diperolehi oleh beliau dan beliawanis dan juga pelajar terhadap industri kondom dalam negara kita ini?

Tuan S.S. Subramaniam Saya rasa kesan positif ialah mereka akan dapat lahu hal-hal berkaitan dengan seks dan sebagainya. Kesan negatif ialah, saya rasa, apabila mereka tahu apa yang sebenarnya kegunaan kondom ini, mereka akan cuba menggunakannya. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, saya mengucapkan tahniah kepada wakil daripada PAS yang membuat soalan yang selama ini kononnya kita sahaja yang bcrianya. Soalan saya, kita tahu bahawa kondom ini penting kepada pengeluar kerana ianya menolong pekebun-pekebun kecil, pengeluar-pengeluar getah dan juga pengguna-pengguna kerana boleh mengelakkan AIDS dan sebagainya.

Untuk menolong negara, saya dimaklumkan oleh kawan saya tadi bahawa sekarang ini terdapat kondom-kondom yang ada jenis perasa seperti strawberi dan lain-lain lagi. (*Ketawa*) Jadi, soalan tambahan saya olch kerana ini merupakan permintaan yang tinggi di negara-negara membangun (saya dengar kawan cerita bahawa dia baru balik dari luar negeri), saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah pengeluar-pengeluar lempatan bercadang untuk mcngeluarkan kondom-kondom jcnis ini yang mana perminlaan dan harganya cukup tinggi.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita sedang mcngeluarkan beberapa jenis kondom yang meliputi juga kondom strawberi itu. (*Ketawa*) Tetapi kalau hendak lebih penjelasan, saya boleh berinya secara, saya rasa, rahsia. (*Ketawa*)

KEMPEN ANTI—MALAYSIA DI LUAR NEGERI

3. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tninta Menteri Luar Negeri mcnyatakan setakat manakah langkah-langkah yang diambil oleh wakil-wakil kita di luar negeri dalam memerangi kempen-kempen anti-Malaysia seperti perhutanan, ISA, kelapa sawit dan lain-lain. Dan apakah kesan positifnya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan); Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada kempen anti-Malaysia sepeni yang dipersoalkan. Walau bagaimanapun, memang ada kempen-kempen mengenai isu-isu tertentu yang telah diarahkan terhadap Malaysia.

Tuduhan-tuduhan ini pada amnya telah dibuat semasa sama ada oleh pihak-pihak yang mempunyai kepentingan sendiri atau oleh orang-orang yang tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan sebenarnya seperti beberapa Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs). Di dalam hal ini, antara fungsi utama Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ialah memberi gambaran sebenarnya mengenai perembangan di Malaysia dalam bidang tertentu. Memandangkan sumber mereka yang terhad, usaha mereka terpaksa ditumpukan terutamanya kepada pihak-pihak yang membuat keputusan dan mereka yang berpengaruh. Oleh yang demikian, Kedutaan-kedutaan kita sentiasa mencuba sedaya upaya memupuk hubungan rapat dengan kluaketua dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan tuan rumah, pemimpin-

pemimpin politik, pihak-pihak industri termasuk industri media-massa dan juga pihak awam, termasuk Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan kanak-kanak sekolah. Ini telah dilaksanakan melalui berbagai cara seperti perbincangan, penyebaran bahan-bahan maklumat, mengadakan taklimat dan tayangan gambar dan juga melalui cara-cara lain yang tidak formal.

Dalam hal-hal spesifik, seperti kempen anti-minyak sawit, Malaysia telah juga mendapatkan khidmat syarikat perundingan asing bagi memerangi kempen-kempen ini di setengah-setengah negara.

Setakat ini, kesan positifnya termasuk sokongan yang diterima dari beberapa negara atas tindakan yang diambil oleh Kerajaan kita. Kempen anti-minyak sawit Malaysia misalnya, telah banyak berkurangan sejak akhir-akhir ini. Bilangan pelawat dan pelancong yang kian bertambah ke Malaysia juga membolehkan mereka membuat penilaian sendiri mengenai keadaan dan pembangunan sebenarnya di negara kita.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kempen luar negeri mengenai ISA. Kempen ini ialah anti-ISA, bukan anti-Malaysia. (*Tepuk*) Oleh kerana ISA menjadi satu undang-undang haram bukan dalam negeri ini sahaja tetapi juga antarabangsa. Oleh kerana jikalau ada satu undang-undang bahawa di mana tidak ada hak untuk mempertahankan seseorang dalam mahkamah menjadi satu undang-undang yang haram yang tidak boleh diterima bukan sahaja di dalam Malaysia tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya?

Tuan R. Karpal Singh:.... di Afrika Selatan khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Perdana Menteri kita, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta mengemukakan soalan ini.

Tuan R. Karpal Singh: Soalan ini, adakah Timbalan Menteri sedar dalam Afrika Selatan juga ada ISA di sana. Adakah negara kita mempertahankan undang-undang itu di Afrika Selatan? Adakah tidak? (*Tepuk*) Itu saya mahu dapat tahu.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia tentang keadaan di Afrika Selatan amat jelas sekali, iaitu kita tentang habis-habisan sejak mula lagi dasar apartheid di Afrika Selatan. Malah Malaysialah antara negara yang pertama sekali yang menyebabkan Afrika Selatan dikeluarkan dari Komanwel. Maka pendirian Malaysia, pegangan Malaysia terhadap hak asasi manusia amat terkenal sekali, sebab itu kini Malaysia amat dikagumi, (*Tepuk*) amat dihargai dan amat disanjung oleh negara-negara antarabangsa, sebab negara kita yang benar-benar tetap dan tegas menentang apa-apa usaha untuk menyekat mana-mana hak asasi manusia.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan jawapan Yang Berhormat sebentar tadi, kerana tidak ada kempen-kempen anti-Malaysia. Saya hendak bertanya mengenai lain-lain itu. Baru-baru ini ada sebuah buku yang dikeluarkan oleh Steven Schlosstein yang bertajuk "Uniled States: Asia's New Little Dragons" yang mana buku itu telah menyebut bahawa Malaysia tidak mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat oleh kerana disebabkan rasuah, pergolakan kaum dan juga konflik keagamaan. Dan orang yang menulis ini adalah seorang perunding perdagangan yang terkemuka di Amerika Syarikat. Dan bukunya telah diedarkan dengan larisnya di seluruh

dunia. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana soalan saya telah ditolak, saya ingin bertanya sekarang, apakah tindakan pihak Kementerian, pihak Kerajaan dan pihak Duta-duta kita mengenai buku ini yang sekarang ini merupakan tindakan balas mereka kepada usaha-usaha baik yang dibuat oleh Malaysia?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Perlua, pihak Kerajaan sedar ada pihak yang tertentu seperti orang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang membuat sebuah buku bertujuan khusus untuk memburukkan negara kita. Tetapi kita dapati bahawasanya kesan atau penerimaan daripada khalayak umum tidaklah begitu berapa sangat, sebab kita telah dapat mempamerkan keadaan sebenarnya yang wujud di Malaysia melalui Kedutaan-kedutaan kita, tambahan pula kini negara kita dilawati, dikunjungi oleh berbagai-bagai rupa bentuk manusia yang dapat melihat keadaan sebenarnya yang ada di negara ini maka kita dapati bahawasanya itu adalah pendapat seorang manusia sahaja. Oleh sebab yang tertentu, kita mendapat cerita-cerita yang merupakan fitnah belaka dan kita berpuas hati bahawasanya tidak terdapat mana-mana Kerajaan atau mana-mana negara yang menerima ataupun boleh mengakui apa yang ditulis itu sebagai benar.

TENTERA NEGARA ASING DI MALAYSIA—KEHADIRAN

4. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah tentera asing yang berada di negara ini yang kaitannya dengan perjanjian pertahanan dan keselamatan bersama antara Kerajaan Malaysia dan negara asing;

- (b) nyatakan bilangan mereka mengikut jenis perkhidmatan dan negara-negara yang terbabit; dan
- (c) sejak bilakah tentera asing ini berada di Malaysia dan berapa lama lagikah tempoh kehadiran mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Perlua,

- (a) Kehadiran anggota tentera negara asing di Malaysia adalah selaras dengan komitmen kita dalam Peraturan Pertahanan Lima Negara atau FPDA yang telah termeterai sejak 1971. Melalui Headquarters Integrated Air Defence System (HQIADS) yang merupakan satu-satunya organisasi yang berfungsi di bawah naungan Peraturan Pertahanan ini, latihan udara dirancang dan diselaraskan di antara riegara-negara anggota-anggota FPDA. Oleh yang demikian, penempatan anggota tentera asing ini diperlukan untuk melaksanakan fungsi perancangan dan penyelarasan latihan udara itu. HQIADS ini ditempatkan di Butterworth.
- (b) Jumlah kehadiran mereka mengikut perkhidmatan dan negara berbabit adalah seperti berikut:
- | | |
|----------------|------------|
| (i) Angkatan | — 3 orang |
| Tentera Udara | |
| DiRaja United | |
| Kingdom | |
| (ii) Angkatan | — 10 orang |
| Tentera Udara | |
| Republik | |
| Singapura | |
| (iii) Angkatan | 1 orang |
| Tentera DiRaja | |
| New Zealand | |

(iv) Angkatan — 7 orang 28.70.9/
Tentera
Udara DiRaja
Australia

(c) Di bawah Peraturan Pertahanan yang sama, sebilangan lagi anggota tentera dari negara-negara anggota FPDA ditempatkan juga di Butterworth secara tetap dan bertukar ganti untuk fungsi penyelarasan perhubungan dan khidmat sokongan. Jumlah anggota yang terlibat ialah seramai di antara 271 hingga 300 orang. Tempoh kehadiran mereka di negara ini adalah bergantung kepada penglibatan negara kita dalam Peraturan Pertahanan Lima Negara tersebut.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah Kerajaan bercadang untuk menamatkan khidmat tentera asing di negara kita?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi iaitu perkhidmatan mereka ini diperlukan selagi kita berada di dalam perjanjian ataupun peraturan pertahanan lima negara tersebut. Selagi kita berada di dalam peraturan ini kita memerlukan khidmat mereka kerana itulah sumbangan negara-negara itu ke dalam perancangan kepada peraturan pertahanan ini.

KADAR BAYARAN ELEKTRIK DI SABAH

5. Tuan Joseph Voon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapa tarif bekalan elektrik di Sabah jauh lebih mahal dari Semenanjung Malaysia dan apakah strategi-strategi serta program-program yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan tarif bekalan elektrik di Sabah.

30. Tuan Lai Lun Tzee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Kerajaan tidak mahu mengurangkan kos pembayaran elektrik di negeri Sabah setaraf dengan Semenanjung Malaysia.

2.72.97

1. Tuan Philip Yong Chew Lip minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa kadar cukai elektrik di negeri Sabah adalah kira-kira 40% lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia; untuk memperbaiki keadaan hidup orang Sabah, bilakah tindakan yang realistik akan diambil untuk mengurangkan perbezaan ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang berikut kerana ia meliputi isu yang sama iaitu:

Soalan No. 30 daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan bertarikh 28.10.91;

Soalan No. 23 daripada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran bertarikh 25.11.91; dan

Soalan No. 1 daripada Ahli Yang Berhormat dari Gaya bertarikh 2.12.91.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri. S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perbezaan kadar bayaran elektrik di antara Semenanjung dan Sabah adalah disebabkan oleh perbezaan dari segi kos penajaan. Kadar bayaran elektrik yang lebih tinggi adalah perlu supaya Lembaga Lctrik Sabah (LLS) dapat menampung kos penajanaannya. Sungguhpun Kerajaan Pusat berhasrat untuk menurunkan kadar bayaran elektrik di Sabah supaya

setanding dengan kadar di Semenanjung, namun langkah ini akan mengakibatkan bayaran subsidi yang besar kepada pengguna-pengguna.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Pusat sangat bersimpati dengan pengguna-pengguna di negeri Sabah. Malah pengguna-pengguna di kawasan luar bandar hanya dikenakan bayaran sebanyak 26 sen seunit berbanding dengan kos penjaanaan sebanyak \$1.00 seunit. Ini bermakna Kerajaan Pusat telah memberi subsidi sebanyak 74 sen bagi setiap unit yang digunakan oleh mereka.

Sebagai strategi jangka panjang, Kerajaan Pusat sedang mengkaji sumber-sumber alternatif seperti hidro dan gas asli yang akan membolehkan bekalan elektrik dijana dengan kos yang lebih rendah. Dengan terlaksananya projek-projek ini, hasrat Kerajaan untuk menurunkan bayaran elektrik bagi pengguna-pengguna di Sabah akan dapat dicapai.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri menyatakan sebentar tadi bahawa kadar perbezaan tarif di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia adalah disebabkan oleh kos penjaanaan yang berbeza. Soalan saya, mengapakah kadar tarif elektrik di Labuan masih juga sama dengan kadar tarif elektrik di Sabah sedangkan kos penjaanaan di Labuan adalah lebih rendah kerana menggunakan kuasa gas asli? Apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu kadar tarif yang lebih rendah daripada yang dikenakan di Sabah oleh kerana kos penjaanaan di Labuan lebih murah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada juga menimbang pada masa sekarang sebuah rancangan untuk menurunkan kos tarifelektrik ini di Labuan sahaja. Ini ada dalam timbangan tetapi belum saya

hantar kepada Jemaah Menteri lagi oleh kerana Labuan menjadi satu tempat yang mana kita janakuasa sendiri.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah membuat kenyataan di Sabah seperti dalam jawapannya tadi dan ia telah membuat bekas Ketua Menteri Sabah, Dato' Harris Salleh muncul di dalam persidangan akhbar menyatakan kekecewaannya kerana kenyataannya itu adalah tidak selaras dengan objektif seperti yang terkandung di dalam memorandum ketika Kerajaan Berjaya dahulu menyerahkan Lembaga Letrik Sabah kepada Kerajaan Pusat yang mana menurutnya....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Maidom P. Pansai: Saya sampai kepada soalan itu

Tuan Yang di-Pertua: lama sangat itu.

Tuan Maidom P. Pansai: pendek lagi. (*Ketawa*) Soalannya begini, adakah Kerajaan tidak sedar tentang memorandum atau objektif penyerahan Lembaga Letrik Sabah kepada Kerajaan Pusat yang dikatakan oleh bekas Ketua Menteri itu? Kalau sedar dan kalau benar ianya demikian, kenapa ianya tidak dilaksanakan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, selepas saya menjadi Menteri Tenaga, Telekom dan Pos saya berhubung dengan Ketua Menteri sekarang sahaja, bukan kepada Dato' Harris Salleh, dan Ketua Menteri sekarang telah menghantar beberapa memorandum kepada saya untuk menurunkan kadar elektrik. Perkara ini ada dalam pertimbangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memberitahu Kementerian saya setiap tahun membayar \$5 juta kepada Lembaga Letrik Sabah sebagai subsidi untuk membayar kos elektrik kepada penduduk-penduduk. Seperti apa yang saya mengumumkan dalam Dewan yang mulia ini tidak lama lagi apabila kita selesaikan perbincangan di antara SESCO dan juga SEB (Sabah Electricity Board) atau Lembaga Letrik Sabah untuk mengadakan kuasa elektrik daripada Hidro Murum, saya percaya masa itu semua masalah-masalah ini boleh diselesaikan.

SISA TOKSID—ANCAMAN

6. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) langkah-langkah segera dan jangka panjang yang telah diambil untuk mengenalpasti kawasan atau zon pelupusan sisa toksid dan bukan toksid di seluruh negara;
- (b) apakah kajian yang telah dibuat bagi mengenalpasti tahap ancaman bahaya sisa toksid di negara ini dan mengikut kajian Kementerian, terangkan kedudukan sebenar ancaman sisa toksid di negara ini; dan
- (c) sebagai perbandingan, nyatakan kesan ancaman sisa toksid negara ini di kalangan negara-negara kelima di dunia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui); Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar telahpun menjalankan kajian mengenai tapak-tapak yang berpotensi untuk dijadikan tapak pelupusan buangan berjadual di

negara ini sejak tahun 1981 lagi. Sehingga kini sebanyak lebih kurang 90 buah tapak telah disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar sendiri dan juga dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri beberapa tapak yang berpotensi telah dikenalpasti. Kajian EIA sedang dijalankan ke atas satu daripada tapak-tapak tersebut. Untuk jangkamasa panjang, usaha yang sama sedang dan akan diteruskan. Berhubung dengan sisa-sisa bukan toksid atau sisa-sisa bukan berjadual, ianya dilupuskan di tapak-tapak pelupusan yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan.

- (b) Mengikut kajian menyeluruh yang dijalankan pada tahun 1987, sejumlah lebih daripada 380,000 meter padu buangan berjadual dikeluarkan setahun oleh lebih kurang 1,000 pengeluar buangan. Daripada jumlah ini, 7% telah mengisytiharkan kepada Jabatan Alam Sekitar tentang jenis, jumlah kuantiti dan kaedah pelupusan yang diamalkan, manakala 30% masih belum berbuat demikian.

Jabatan Alam Sekitar akan terus menjalankan penguatkuasaan dari semasa ke semasa ke premis pengeluar-pengeluar yang berkenaan bagi memastikan bahawa buangan ini dikendali dengan kaedah yang dibenarkan supaya ianya tidak memberi sebarang ancaman kepada alam sekitar.

- (c) Pengurusan buangan berjadual di negara ini adalah terkawal, semua aspek pengurusan telah diambil kira oleh Kerajaan. Peraturan-peraturan bagi mengawal masalah pelupusan buangan berjadual telah diwujudkan dan berkuatkuasa. Usaha-usaha juga

sedang dijalankan bagi menubuhkan kemudahan pengeluaran dan pelupusan buangan berjadual.

Negara Malaysia adalah di antara sebilangan kecil negara-negara sedang membangun yang telah mewujudkan perundangan dan pengurusan buangan berjadual.

Sekian.

DrHaji Jamaluddin bin Haji Jarjis:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah mengenai dengan sisa pertanian. Apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi sisa-sisa daripada kilang-kilang pertanian, terutama yang duduk di luar bandar seperti daripada kilang kelapa sawit yang rata-rata kita dengar telah mencemarkan anak-anak sungai dan sungai-sungai di luar bandar? Pencemaran ini banyak telah mengakibatkan anak-anak ikan, anak-anak udang sudah pupus

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, tidak payah menerangkan ya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai sisa pertanian, ini memang dikawal dengan ketatnya oleh Kementerian saya dan Jabatan Alam Sekitar melalui peraturan-peraturan yang sedia ada. Pihak PORIM juga yang mengendalikan sisa-sisa buangan dari kilang-kilang kelapa sawit dan RISDA yang mengendalikan sisa-sisa daripada kilang getah, memang sejak awal lagi sudah mencapai tahap yang tinggi yang memuaskan tentang pelupusan sisa-sisa ini.

Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar memang sedar ada juga berlaku sisa-sisa ini dilupuskan dengan memasukkannya ke sungai kecil dan di mana kes seperti ini dikenalpasti, Jabatan Alam Sekitar telah pun mengambil tindakan untuk menghadapkan mereka yang bersalah itu ke mahkamah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sejenis racun yang digunakan oleh penanam-penanam padi untuk membunuh ulat. Racun itu bernama 'Racun Cap Tengkorak' di mana ulat terbunuh dan semua jenis ikan terbunuh. Soalannya apakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan berusaha untuk mengisylihkan 'Racun Cap Tengkorak' ini sebagai bahan toksid yang perlu diharamkan di Malaysia?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, perkara racun ini sebenarnya bukan dalam bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar atau Kementerian saya. Ia adalah dikendalikan oleh 'Pesticide Board' dengan izin, melalui Kementerian Pertanian.

PENDAFTARAN ORANG-ORANG ASING DI SABAH

7. Tuan Geoffrey Yee Ling Fook minta Perdana Menteri menyatakan bahawa semasa menjalankan pendaftaran orang-orang asing di Sabah, Pasukan Petugas Khas telah mengeluarkan kad tertentu dengan gambar kepada mereka:

- (a) bolehkah ini digunakan selain daripada passport atau workpass; dan
- (b) adakah Polis atau pihak Imigresen mengambil tindakan dan menangkap mereka sekiranya mereka didapati tanpa passport atau hanya memperolehi kad tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ong Ka Ting: Semasa gerakan pendaftaran dijalankan, pendatang luar negeri yang berdaftar dengan pasukan ini telah dikeluarkan Sijil Banci yang

mengandungi butir-butir peribadi, gambar dan cap jari pemegang. Sijil Banci ini dikeluarkan antara lain, bagi mewujudkan identiti di kalangan mereka untuk membolehkan Pasukan Petugas Khas Persekutuan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap mereka selepas proses pengkategorian selesai dijalankan. Oleh itu adalah satu langkah pentadbiran sahaja dan statusnya tidak sama dengan pasport atau kad pengenalan dan ianya tidak sah digunakan bagi apa-apa tujuan pengenalan selain dari maksud tersebut di atas.

Meskipun tindakan-tindakan yang bersesuaian terhadap pemegang Sijil Banci PPKP hanya akan diambil selepas proses pengkategorian selesai dan diterima oleh Majlis Keselamatan Negara, tetapi pihak Polis dan Imijeresen tetap mengambil tindakan menangkap dan mengusir mereka yang didapati terlibat dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang, maksiat dan kegiatan-kegiatan anti-sosial. Tindakan-tindakan seumpama ini telah dijalankan dan akan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

AGENSI KERAJAAN YANG DISWASTAKAN

8. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria yang digunakan bagi memilih syarikat yang akan menjalankan agensi-agensi Kerajaan yang diswastakan; dan
- (b) apakah agensi-agensi yang akan diswastakan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan syarikat yang akan mengambilalih

aktiviti-aktiviti agensi Kerajaan melalui dasar penswastan adalah dibuat dengan penuh hati-hati. Ini bertujuan untuk memastikan dasar penswastan dapat dilaksanakan dengan licin dan mencapai kejayaan yang diharapkan. Selaras dengan ini, satu tapisan yang teliti akan dijalankan ke atas syarikat-syarikat yang mengemukakan cadangan penswastan bagi memastikan pihak yang mengemukakan tawaran mempunyai bukan sahaja keupayaan kewangan tetapi juga keupayaan pengurusan dan teknikal yang diperlukan bagi mengambil alih aktiviti-aktiviti agensi yang berkenaan. Di samping itu, keperluan mencapai objektif Dasar Pembangunan Nasional dari segi penyertaan bumiputera juga diambil kira. Semua syarikat yang mengemukakan cadangan penswastan dikehendaki mengisi satu borang bagi membolehkan Kerajaan menilai syarikat-syarikat yang mengemukakan cadangan penswastan mengikut kriteria yang tersebut di atas.

- (b) Dalam Pelan Tindakan Penswastan bagi 1991-1992, Kerajaan telah mengenalpasti sebanyak 38 projek untuk diswastakan, manakala 56 projek lagi disediakan atau disusun semula sebagai persiapan untuk diswastakan kelak. Senarai tersebut terdapat dalam dokumen Pelan Induk Penswastan yang telahpun diedarkan untuk maklum orang ramai. Senarai projek ini akan dikaji semula pada akhir tahun ini bagi tujuan membuat ubahsuai jika didapati perlu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Pelan Induk Penswastan kita dapati bahawa mereka yang membuat cadangan yang pertama diberi

keutamaan, tetapi di akhir-akhir ini kita lihat banyak projek-projek atau cadangan yang dibuat itu tidak diterima dan sebaliknya jawapan yang diberi ialah ianya akan dibuat tender terbuka.

Saya ingin bertanya pada pihak Kerajaan apakah kita bercadang untuk mengadakan tender terbuka ataupun mengikut cara lama iaitu siapa yang datang dahulu, dia akan diberi keutamaan ataupun sebaliknya?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, bila kita swastakan entiti milik Kerajaan yang didayausahakan oleh Kerajaan, ia akan ditawarkan kepada orang ramai atau kumpulan sasaran tertentu. Sektor swasta, mengikut pelan induk penswastaaan, boleh mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kementerian untuk menswastakan satu perkhidmatan ataupun satu jabatan Kerajaan.

Jadi, untuk menentukan sama ada cadangan itu akan diterima dengan prinsip "first come first served" ataupun yang dahulu didahulukan, cadangan mesti unik dan sesuai di swastakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, garis panduan untuk menentukan keunikan sesuatu projek adalah yang pertama, cadangan tersebut mesti mengandungi penyelesaian yang unik, berpotensi menghasilkan penglibatan kepada Yang kedua, adalah cipta **kedua, pemiliknya mesti ada hak cipta** atau pengetahuan teknik. Yang ketiga, cadangan itu tidak berdayamaju jika ia tidak dihubungkan dengan satu bahagian yang lain yang telahpun dimiliki oleh sesuatu pihak swasta. Jadi, kalau cadangan itu tidak termasuk dalam definisi 'unik', maka ia tidak boleh masuk dalam apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

SISA BUANGAN TOKSID— LANGKAH-LANGKAH

9. Tuan Wong Wing On minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

menyalakan sama ada pihak berkuasa telah mengenalpasti punca sisa-sisa industri bertoksik yang ditemui di Pantai Remis, negeri Perak Darul Ridzuan beberapa bulan yang lalu, dan juga nyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menjamin kebersihan serta keselamatan kawasan tersebut.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa khas di peringkat daerah Manjong untuk menyiasat dan mengambil tindakan-tindakan wajar berkaitan sisa-sisa industri bertoksik yang ditemui di Pantai Remis beberapa bulan yang lalu.

Jawatankuasa ini telah mengenalpasti tapak pelupusan yang sesuai dan selamat bagi memindahkan sisa-sisa tersebut. Rekabentuk tapak dan cara pelupusan yang akan dijalankan adalah dengan cara yang paling selamat. Sellepas sisa-sisa dipindahkan, kawasan yang terlibat akan dibersihkan. Penyiasatan bagi mengenalpasti punca masalah tersebut masih diteruskan.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada pihak berkuasa di negeri Perak telah membuat satu keputusan untuk membuat satu tapak atau toxic waste dump di Kinta Valley. Jika ya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kinta Valley adalah satu kawasan yang densely populated atau diduduki oleh ramai manusia. Ini adalah satu keputusan yang tidak sesuai dan merbahaya kepada orang ramai.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jika soalan ini ditujukan kepada sisa buangan toksik umum, saya rasa itu terkeluar dari soalan asal, tetapi jikalau soalan yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah berkaitan dengan sisa-sisa toksik yang ditemui di Pantai Remis itu, saya sudah jawab tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

(Soalan No.W Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin tidak hadir)

**PELABUHAN-PELABUHAN
SEBAGAI ALTERNATIF
JALAN RAYA**

11. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengangkutan (kargo) darat sudah menjadi begitu rumit disebabkan oleh kesesakan lalu-lintas dan jalan raya-jalan raya yang menjadi sempit. Jika ya;

- (a) adakah Kementerian bercadang membaiki, membesar dan menambah lagi kemudahan-kemudahan pelabuhan-pelabuhan kecil di seluruh negara sebagai alternatif kepada jalan darat yang sedia ada; dan
- (b) apakah usaha Kementerian dalam menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada khususnya di Pantai Barat Semenanjung.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail); Tuan Yang di-Pertua, di rantau ini, Malaysia mempunyai infrastruktur pengangkutan darat yang baik jika dibandingkan dengan apa yang ada di negara-negara jiran. Namun demikian, Kerajaan sedang membangun dan mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan jalan raya-jalan raya dan keretapi yang sedia ada.

Jawapan kepada (a), pengendalian import dan eksport melalui pelabuhan-pelabuhan di Malaysia sedang berjalan dengan lancar. Namun demikian, Kementerian ini sedang meningkatkan lagi kapasitinya serta kemudahan pelabuhan-pelabuhan kita untuk menghadapi peningkatan kargo di masa hadapan.

Kerajaan telah mengenalpasti beberapa projek pembangunan yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan tambahan. Di antara projek yang sedang dalam pelaksanaan sekarang adalah seperti berikut:

Pembangunan Pelabuhan Barat, Pelabuhan Kelang

- Melibatkan pembinaan dermaga kargo am/kontena sepanjang 1,500 meter, dua buah jeti kargo merbahaya berserta kemudahan-kemudahan sokongan di belakang dermaga.
- Projek ini dijangka siap secara berperingkat-peringkat mulai akhir tahun 1993 hingga awal tahun 1995.

Pengkalan Kontena Butterworth Utara

- Melibatkan pembinaan dermaga kontena sepanjang 350 meter berserta kemudahan-kemudahan sokongan.
- Dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 1994.

Pelabuhan Johor Fasa III

- Pembinaan dermaga kontena sepanjang 700 meter, pembesaran jeti kargo cecair dan pembesaran jeti kargo merbahaya berserta k e m u d a h a n - k e m u d a h a n sokongan.
- Projek dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 1993.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang memberi perhatian yang serius kepada usaha untuk mengurangkan peraturan-peraturan yang terlibat dengan pemeriksaan dan pelepasan yang mana boleh melancarkan pergerakan kargo. Dengan cara ini, kesesakan di p l a b u h a n - p e l a b u h a n dapat dikurangkan dan penggunaan kemudahan-kemudahan pelabuhan dapat ditingkat-

kan. Bagi maksud ini, Kerajaan sedang mengkaji dengan mendalam bagi mewujudkan sistem 'Electronic Data Interchange' atau EDI dengan melibatkan 'paperless transaction' yang lebih cepat lagi.

Bagi meningkatkan lagi kecekapan kemudahan pelabuhan, Kerajaan telah dan sedang bertindak memswastakan operasi pengendalian kargo di pelabuhan-pelabuhan. Dengan cara ini, sesuatu keputusan dalam meningkatkan kecekapan yang diperlukan dapat dibuat dengan lebih cepat lagi.

Untuk mengurangkan kesesakan jalan raya, keretapi boleh digunakan untuk mengangkut kargo daripada kawasan pedalaman ke pelabuhan. Bagi maksud ini, lebih banyak depoh pelepasan dalaman atau, dengan izin, inland clearance depot yang berfungsi sama seperti fungsi pelabuhan boleh diwujudkan dan diperlukan. Penggunaan keretapi untuk membawa kargo keluar daripada pelabuhan-pelabuhan dijangka akan dapat diperlingkatkan lagi apabila projek landasan berkembar di antara Rawang, Seremban, Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang siap pada tahun 1993. Dengan adanya landasan berkembar, Keretapi Tanah Melayu dapat menambah jumlah perkhidmatan barang-barang keluar daripada pelabuhan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada projek pelabuhan yang sedang dilaksanakan sekarang tidak termasuk mengenai dengan cadangan pembinaan mini pelabuhan di Kelantan iaitu di Kemasik yang kalau tidak silap saya, rancangan ini sudah 7 atau 8 tahun yang lalu. Apakah kedudukan projek ini sekarang, sama ada ianya akan dijalankan oleh Kerajaan Pusat ataupun sebaliknya? Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kelantan adalah salah satu negeri yang agak terpinggir dan sukar dari segi komunikasinya yang semata-mata bergantung kepada perhubungan

keretapi? Maka sudah barang tentulah dari segi pembangunan, sebuah pelabuhan yang saya maksudkan tadi begitu perlu untuk Kelantan. Bilakah cadangan ini hendak dilaksanakan dan kalau tidak, mengapa?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan asal ialah pelabuhan-pelabuhan di Pantai Barat. Jadi, itu sebab saya tidak jawab mengenai Pantai Timur. Walau bagaimanapun

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Duduklah dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, dia hendak jawab. (Ketawa)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun di Pantai Barat tetapi disebut khususnya di Semenanjung Malaysia—saya kira seluruh negaralah,

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan mengikut kajian pelabuhan-pelabuhan nasional, kita dapati bahawa pelabuhan-pelabuhan kita yang ada sekarang ada di antaranya yang tidak digunakan kepada full capacity, dengan izin. Oleh kerana itu, maka kita tidaklah begitu cepat ingin membina pelabuhan kecil pula atau mini-mini port lagi banyak.

Dari segi sukarnya komunikasi kata Yang Berhormat itu, kita sedang membina dan akan siap tidak lama lagi keseluruhan lebuh raya di negara kita ini. Apabila siap keseluruhan rangkaian lebuh raya, mungkin ianya akan mengambil masa lebih singkat lagi bagi kargo-kargo daripada utara sampai ke Johor, mungkin hanya dalam 10 jam

sahaja. Jadi, kila bolehlah menggunakan kemudahan jalan raya di samping kemudahan keretapi.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Periua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian bercadang untuk memperbesarkan atau memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan jeti atau pelabuhan di bandar-bandar yang kecil seperti Kuala Kedah, Batu Pahat dan Port Dickson selain daripada tiga yang Yang Berhormat telah sebutkan tadi?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan-pelabuhan dan jeli-jeli yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi adalah di bawah kelolaan Jabatan Laut di bawah Kementerian Pengangkutan dan ini diperbaiki dari masa ke semasa.

PAN BORNEO HIGHWAY

12. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Pan Borneo Highway akan siap diturap sepenuhnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pan Borneo Highway dijangka siap diturap sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Walau bagaimanapun, sebahagian projek ini yang sepatutnya melalui Negara Brunei Darussalam tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu ada cadangan oleh pihak Kerajaan membuat kajian membina jalan dari Miri ke Limbang dan dari Limbang ke Lawas untuk menyambungkan negeri Sarawak dengan negeri Sabah. Cadangan ini memerlukan kajian jajaran baru dan ini akan mengambil masa dan juga kos tambahan. Dengan demikian, projek tersebut kemungkinan akan dilaksanakan selepas Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau pernah pergi ke Sabah atau Sarawak untuk mengkaji masalah yang timbul mengapa Pan Borneo Highway ini lambat disiapkan? Kerana adalah tidak guna untuk memberitahu Dewan yang mulia ini apakah masalah yang timbul sedangkan beliau sendiri tidak pergi untuk mendapatkan on-the-hand instruction tentang masalah yang timbul. Kalau tidak, bilakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan berbuat demikian supaya dapat memberi tahu rakyat Sabah dan Sarawak bahawa Kerajaan Pusat serius dalam perkara ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi Lebuhraya di Sarawak itu saya tidak pernah pergi kerana di bawah Kementerian saya ada seorang Menteri dan seorang Timbalan Menteri daripada Sarawak dan di bahagian jalan raya di negeri Sabah, saya telah pergi ke sana dua kali meliputi semua pakej di sana. Terima kasih.

SKIM PERTAPAKAN DAN KEMUDAHAN—PINJAMAN

13. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat 30hb September, 1991 berapa banyakkah wang pinjaman perumahan \$10,000 tanpa faedah telah dipinjamkan kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah yang bawah harga \$25,000;
- (b) bilangan peminjam yang berjaya mengikut pecahan kaum; dan
- (c) bagaimana membuat permohonan pinjaman ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb September, 1991, sebanyak 16 projek di bawah Skim

Pertapakan dan Kemudahan bernilai \$22.5 juta yang melibatkan 2,070 unit rumah inti telah diluluskan pelaksanaannya kepada empat buah negeri iaitu Kelantan, Pahang, Perak dan Sarawak. Projek-projek ini adalah merupakan projek khas Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK) yang mana had pinjamannya ada; tidak melebihi \$10,000 seunit di Semenanjung dan \$13,000 seunit di Sarawak. Pinjaman ini tidak dikenakan sebarang faedah.

Oleh kerana projek ini baru sahaja diluluskan dan masih lagi di peringkat awal pelaksanaannya, maka bilangan peminjam mengikut pecahan kaum belum lagi dapat diketahui. Kerajaan-Kerajaan Negeri belum lagi membuat tawaran kepada bakal-bakal pembeli. Permohonan pinjaman di bawah skim ini dikendalikan oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan. Borang-borang permohonan boleh diperolehi daripada Pejabat-pejabat Daerah di negeri-negeri berkenaan.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan kadar faedah kepada semua peminjam rumah kos rendah di bawah \$25,000 iaitu sebagaimana yang saya difahamkan sekarang dikenakan 4% kadar faedah pinjamannya. Sebenarnya, golongan sasaran ialah golongan yang berpendapatan rendah.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada perkara ini ialah, tidak.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu siapakah yang layak untuk membuat permohonan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jikalau Ahli Yang Berhormat masih ingat, Skim Pertapakan dan Kemudahan ini adalah

diluluskan oleh Kerajaan beberapa tahun yang lalu. Pada tahun yang lalu Kementerian Kewangan telah membuat keputusan supaya menghapuskan faedah, iaitu faedah tidak dikenakan ke atas pinjaman oleh pemohon-pemohon yang telah berjaya mendapat tapak rumah ataupun rumah di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan ini. Pemohon-pemohon yang layak memohon ialah rakyat yang mana gaji mereka tidak melebihi \$500 sebulan dan ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zainabon.

(Soalan No.14. Y.B. Puan Siti Zainabon binii Abu Bakar tidak hadir)

INDUSTRI TERNAKAN AIR

15. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pertanian menyatakan tentang:

- (a) apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk memajukan industri ternakan air di negara ini;
- (b) apakah jenis-jenis ternakan yang berpotensi untuk dimajukan; dan
- (c) jelaskan kawasan-kawasan sasaran utama industri ternakan air di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, industri ternakan air merupakan industri yang semakin berkembang maju di negara ini. Kepentingannya dapat dilihat dengan meningkatnya bilangan penternak daripada lebih kurang 22,000 pada tahun 1988 kepada 25,000 pada tahun 1989, iaitu tambahan sebanyak 18%. Luas kawasan juga meningkat sebanyak 28% dalam tempoh yang sama kepada 6,000 hektar. Sementara itu, nilai pengeluaran akuakultur telah bertambah kepada \$ 118 juta, iaitu satu peningkatan yang besar sebanyak 32%. Perkembangan yang menggalakkan ini adalah

hasil dari usaha-usaha Kerajaan menyediakan berbagai perkhidmatan sokongan seperti berikut:

- (i) penyelidikan keatas semua tapak aspek ternakan air termasuk teknologi pengeluaran benih secara komersial, teknologi permakanan, penyakit ikan, pengendalian selepas pungutan hasil dan penyelidikan ke atas spesis-spesis yang berpotensi diternak;
- (ii) perkhidmatan perkembangan ternakan air bagi diperkenalkan teknologi terbaru dalam ternakan air di bidang pengeluaran benih, pengurusan asuhan pemakanan dan sistem ternakan;
- (iii) menjalankan berbagai kursus ternakan air tawar dan payau seperti ternakan ikan air tawar dan udang, ternakan sangkar, asuhan ikan, pengurusan asuhan udang galah dan udang laut;
- (iv) menjalankan program promosi pasaran dengan media-massa, demonstrasi dan pertandingan memasak sebagai langkah meningkatkan permintaan; dan
- (v) menawarkan insentif seperti kemudahan kredit dan insentif cukai kepada pelabur-pelabur;

Untuk menjawab soalan (b), lernakan air payau yang berpotensi dimajukan ialah udang laut, udang harimau, ikan siakap, ikan kerapu, kerang dan siput sudu; sementara ikan talapia, karp rumput, udang galah, patin dan jelawat adalah berpotensi untuk ternakan air tawar.

Spesis-spesis di atas terbukti bernilai tinggi, berdaya maju ekonomi, diusahakan secara komersial dan telah menyumbangkan kepada perkembangan Industri Ternakan Air Negara.

Contohnya, bagi ternakan air payau di Semenanjung, nilai pengeluaran telah meningkat dari \$4 juta pada tahun 1986 kepada \$57 juta dalam tahun 1990.

- (c) Kerajaan sedang dalam tindakan mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan kawasan industri ternak air. Kawasan-kawasan sasaran meliputi kawasan tepi pantai, bekas lombong dan empangan-empangan besar. Kawasan tersebut hendaklah bebas terutamanya dari kesan pencemaran dan sebagainya. Bagaimanapun, pada masa ini telahpun terdapat Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Negeri seperti Perbadanan Ekonomi Negeri Johor yang telah mengambil inisiatif membangunkan kawasan-kawasan yang luas untuk industri ternakan air payau.

Di Malaysia, kawasan ternakan air yang menggunakan kolam dan bekas lombong banyak terdapat di negeri-negri Sabah, Johor dan Perak, manakala di Selangor banyak mengamalkan ternak air secara sangkar.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Memandangkan begitu banyak bilangan penternak-penternak air dari kalangan orang asing terutama sekali dari Taiwan melabur di dalam bidang ini, bolehkah Yang Berhormat memberitahu bilangan orang asing yang melabur dalam bidang ini dan ekuiti yang mereka masing-masing memegangnya.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya perlukan notis untuk beri jawapannya.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa kursus-kursus telah banyak diberi kepada mereka. Bolehkah saya tahu di mana kursus-kursus itu diadakan dan berapa orangkah yang telah keluar berkursus dan bagaimanakah prestasi mereka sebelum dan selepas kursus dan di manakah pasaran-pasaran mereka? (Ketawa)

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak tempat yang membolehkan para peserta yang berminat untuk mengikuti kursus ternak air ini. Antaranya, kita ada kursus di Jitra, di Perak, di Melaka dan beberapa negeri lain. Jadi, dari segi itu setengah daripada penternak-penternak ini tidak memerlukan kursus lagi kerana mereka telahpun mempunyai pengalaman yang mendalam mengenai ternakan air. Walau bagaimanapun kalau ada daripada kawasan Ahli Yang Berhormat ingin hendak mengikuti kursus ini, silalah hubungi Kementerian Pertanian.

KOPERASI BELIA NASIONAL— PENYELEWENGAN

16. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai pengarah sekarang dan masa lalu serta juga peminjam-peminjam Koperasi Belia Nasional (KOBENA) yang dirundung malang yang dilaporkan pada Polis bagi amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyalahgunaan tabung koperasi yang menyebabkan koperasi menemui kerugian yang besar; dan
- (b) kemajuan dalam siasatan Polis ke atas kes KOBENA.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, siasatan Polis mengenai penyelewengan dalam Koperasi Belia Nasional (KOBENA) pada masa ini masih lagi diteruskan dan ianya sudah berada diperingkat akhir. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar untuk mengumumkan hasil siasatan itu kerana tindakan sedemikian boleh menjejaskan siasatan seterusnya.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu setakat ini berapakah laporan Polis telah dibuat terhadap mereka yang menyeleweng di KOBENA termasuklah sama ada laporan daripada Lembaga

Pengarah KOBENA yang baru sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, satu laporan Polis telah dibuat oleh Lembaga Pengarah sekarang ini pada tahun 1988 dan sebab itulah siasatan itu sudahpun pada peringkat akhir.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Mengapakah pihak Polis mengambil masa yang begitu panjang sejak laporan itu dibuat iaitu sudah lebih dua tahun? Entah berapa tahun lagi yang diperlukan untuk menyiapkan siasatan itu sama ada 20 tahun ataupun 10 tahun. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu siasatan yang bukannya mudah kerana ianya melibatkan transaction business, bukan sahaja di dalam negeri tetapi ada juga kaitan dengan luar negeri. Maka segala siasatan itu telahpun dijalankan dengan teliti dan berhati-hati supaya tidak ada mana-mana pihak yang disalah dakwa semata-mata kerana hendakkan keputusan itu dengan cepat. Jadi, itulah selalunya sikap Polis yang bertanggungjawab. Maka sepertimana saya telah katakan, siasatan itu sudah hendak berakhir. Sabar sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10,14 dan 17 Hingga 26 adalah diberidi bawah ini)

UNIVERSITI TEMPATAN— PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

10. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah sumbangan dan hasil Universiti Tempatan dalam usaha penyelidikan dan pembangunan

(Research and Development) dan berapakah peruntukkan yang diberikan bagi setiap Universiti Tempatan daripada tahun 1987 hingga 1991 bagi maksud ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan akan dapat membantu institusi pengajian tinggi mempertingkatkan lagi keupayaan menghasilkan penemuan-penemuan baru dan ilmu pengetahuan yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Sebagai contohnya ialah penemuan benih-benih yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih berkualiti dan kuantiti adalah antara lain yang telah diusahakan oleh pihak institusi pengajian tinggi. Kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$130 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML 1986—1990) dan \$224 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME 1991—1995) kepada institusi pengajian tinggi tempatan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan.

PELAJAR YANG GAGAL NAIK KE TINGKATAN 4

14. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah murid-murid lepasan sekolah Tingkatan 3 dan 5 yang gagal untuk meneruskan pelajaran mereka ke tingkatan yang lebih tinggi bagi tahun 1986, 1989 dan 1990. Adakah Kementerian mengambil langkah-langkah untuk membantu mereka. Jika ada, bagaimana.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar sekolah yang gagal naik ke Tingkatan 4 dari sekolah-sekolah di bawah Kemeterian Pendidikan ialah pelajar-pelajar yang mendapat Gred C, S dan X

dalam peperiksaan SRP, kecuali untuk tahun 1986 di mana pelajar yang mendapat Gred C dibenarkan naik. Bilangan yang gagal dan peratusannya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Peratusan</i>
1988	83.161	31.2%
1989	87.242	32.0%
1990	85.572	31.5%

Bagi pelajar Tingkatan 5 dari sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, mereka dianggap tidak layak meneruskan pelajaran ke tingkatan yang lebih tinggi apabila mereka mendapat pernyataan Sijil Am Pelajaran (SAP) atau GAGAL dalam peperiksaan SPM. Bilangan yang gagal dan peratusannya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Peratusan</i>
1988	46,091	127.0%
1989	39,5095	23.3%
1990	47,932	28.4%

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa membantu pelajar-pelajar lepasan Tingkatan 3 dan 5 yang kurang mampu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi untuk mendapatkan latihan kemahiran melalui usaha-usaha seperti berikut:

- (i) Pelajar dari sekolah bantuan penuh Kerajaan yang lulus dengan pangkat C dan S dalam peperiksaan SRP boleh memohon untuk mengikuti kursus dalam Aliran Latihan Kemahiran di Sekolah Menengah Vokasional.
- (ii) Beberapa kursus lanjutan disediakan di SMV bagi lepasan Sekolah Menengah Yokasional untuk mempertingkatkan lagi kemahiran mereka dalam sesuatu bidang tertentu.
- (iii) Kementerian juga, dengan kerjasama SMV dan Politeknik

menawarkan berbagai kursus pendek dan sambilan untuk orang awam dan pelajar-pelajar lepasan sekolah bagi menambah tenaga mahir dan separuh mahir.

HOSPITAL SWASTA— RAWATAN

17. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah lindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan terhadap hospital-hospital swasta yang menghantar pesakit-pesakit yang sudah teruk semasa dalatn rawatan mereka, ke hospital-hospital Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Adalah menjadi dasar hospital-hospital Kerajaan menerima mana-mana pesakit yang memerlukan rawatan, sama ada yang datang secara terus atau melalui rujukan. Dalam hal ini memang ada hospital-hospital swasta yang merujuk kes-kes yang sudah teruk atas sebab-sebab kemudahan atau perkhidmalan yang lerhad di hospital-hospital tersebut, Kementerian tidak boleh mengambil apa-apa lindakan di atas rujukan sedemikian, tetapi di bawah peraturan yang sedia ada, pihak hospital-hospital, klinik-klinik dan pakar-pakar swasta telah diminta untuk menghubungi hospital atau pakar-pakar yang berkailan sebelum merujuk kes-kes mereka ke hospital kerajaan untuk mengelakkan sebarang kesulitan kepada mana-mana pihak.

MINUMAN TODI—PEKERJA ESTET

18. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa "Todi" telah membawa akibat yang buruk seperti runtunan rumahtangga dan lain-lain masalah sosio-ekonomi di

kalangan pekerja-pekerja, khususnya pekerja-pekerja di ladang-ladang. Adakah apa-apa rancangan-rancangan program-program dari Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam); Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa sebilangan pekerja estet menghadapi masalah sosial kerana ketagih minuman todi. Walau bagaimanapun masalah ini tidak begitu ketara berbanding dengan sepuluh tahun dahulu di mana terdapat kira-kira 130 buah kedai todi di estet-estet. Maklumat semasa menunjukkan bahawa sekarang ini hanya terdapat 84 buah estet daripada 1,570 buah estet dibenarkan terus menjual todi. Lesen-lesen jualan todi itu dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Ketagihan minuman todi lazimnya berlaku di kalangan generasi tua. Generasi muda tidak begitu terpengaruh dengan minuman todi kerana mereka lebih berpelajaran berbanding dengan generasi tua.

Beberapa syarat ketat dikenakan untuk mengawal penjualan todi di estet-estet. Todi hanya boleh dibeli secara tunai dan majikan-majikan tidak dibenarkan menjualnya kepada pekerja secara berhutang atau membuat sebarang potongan gaji untuk menjelaskan hutang minuman todi itu. Kuantiti todi yang boleh dibeli di sesebuah kedai todi adalah dihadkan juga.

Kementerian Sumber Manusia sedar masalah ketagihan todi dan juga ketagihan minuman samsu dan arak merupakan satu masalah sosial yang tidak boleh diabaikan. Pada masa ini beberapa agensi Kerajaan, Kesatuan-kesatuan Sekerja serta Pertubuhan Sosial sedang mengambil tindakan untuk membantu mengatasi masalah ini dengan memberi bimbingan dan nasihat kepada pekerja-pekerja estet.

Kementerian Sumber Manusia sedang mempertimbangkan beberapa cara yang boleh dilaksanakan untuk membantu pekerja-pekerja estet supaya lebih sedar tentang keburukan penagihan tadi, samsu dan arak. Di antara caranya ialah dengan memberi ceramah dengan bantuan Jabatan Penerangan serta memberi bimbingan menerusi radio dan televisyen dan ceramah-ceramah anjuran badan-badan agama dan parti-parli politik. Tidak dapat dinafikan bahawa hanya menerusi pendidikan sahaja gejala buruk ini dapat diatasi. Kementerian Sumber Manusia akan berusaha dengan sedaya upaya untuk memperolehi kerjasama semua pihak untuk mengatasi masalah ini.

GAJI ANGGOTA POLIS

19. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa pasukan polis telah dibayar dengan gaji yang sangat rendah dan gaji mereka tidak berpatutan dengan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka; jika ya, bilakah Menteri akan mengambil tindakan untuk mempertimbangkan semula kadar gaji polis supaya ia adalah selaras dengan kos kehidupan sekarang ini dan mencegah korupsi di antara mereka.

Tuan Ong Ka Ting: Anggota-anggota Polis adalah juga sebahagian daripada lebih 800,000 kakitangan dalam perkhidmatan awam. Semakan gaji untuk mereka mestilah mengambil kira lain-lain perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan sememangnya mempunyai kriteria-kriteria tertentu seperti kelulusan akademik dan lain-lain bagi menentukan gaji sesuatu perkhidmatan dan anggota polis adalah tertakluk kepada kriteria-kriteria tersebut.

Dalam hal ini, Kerajaan memberikan pertimbangan yang sama kepada semua kakitangannya.

BUKIT PINANG LEISURE— BANTAHAN

20. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan memandangkan perluasan penentangan orang-orang awam terhadap projek Bukit Bendera, bersedia untuk menolok laporan EIA Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. dan projek tersebut keseluruhannya kerana kesan yang serius dan negatif terhadap ekologi dan sosial.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menerima lebih kurang 1300 ulasan bertulis daripada orang awam dan persatuan-persatuan mengenai bantahan terhadap cadangan pembangunan projek oleh Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. di Bukit Bendera, Pulau Pinang. Jabatan Alam Sekitar juga telah menubuhkan Panel Pengulas Laporan EIA, bagi tujuan meneliti aktiviti-aktiviti dan langkah-tangkah kawalan yang dicadangkan di dalam Laporan EIA tersebut. Panel telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali dan setakat ini, rumusan sedang dirangka untuk ketetapan Panel ini di mesyuaratnya yang dijadualkan pada awal bulan Disember 1991 ini. Panel ini dalam rumusannya akan mengambil kira semua ulasan yang diterima.

BANDAR KEBUDAYAAN CINA

21. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan mengenai Pusat Kebudayaan Cina Malaysia yang dianjurkan oleh MCA:

- (a) sama ada beliau telah bersetuju menyokong projek ini secara dasar atau prinsip;
- (b) adakah satu Memorandum atau Kertas Kerja mengenai projek itu dihantar kepada beliau atau Kabinet untuk dibincangkan dan kalau ia bila;

- (c) adakah Kabinet telah membincangkan perkara ini dan kalau ia bila;
- (d) apakah keputusan mengenai projek dan kalau ia tidak dibenarkan sila nyatakan mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Sulitnan): Pendirian Kerajaan Pusat mengenai rancangan MCA untuk membina sebuah Bandar Kebudayaan Cina (Chinese Culture City) telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana parli tersebut telah diminta untuk mengkaji semula projek berkenaan demi kepentingan mereka. Projek ini hendaklah diselesaikan melalui semangat perpaduan dan perbincangan dengan parti-parti politik dalam Barisan Nasional. Cara demikian akan mengelakkan kesan-kesan negatif dari segi perpaduan negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan tuntutan-tuntutan kaum lain di Malaysia.

SISTEM GAJI TERBUKA

22. **Tuan Fong Kui Lun** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana sistem gaji terbuka dipakai dalam proses pelarasan gaji 850,000 kakitangan awam dan apakah rasionalnya maka Kerajaan berbuat demikian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Jika sistem gaji terbuka yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah pembentukan gaji baru yang lebih fleksibel, ianya memang diambil kira dalam urusan semakan gaji dan kajian semula struktur perkhidmatan secara menyeluruh seperti yang diumumkan oleh Kerajaan pada 12 Oktober 1991. Sistem Saraan Baru yang diumumkan itu adalah lebih luas daripada satu proses pelarasan gaji. Selain daripada struktur saraan (gaji, elaun dan kemudahan), ia juga meliputi aspek-aspek lain termasuk

skim dan struktur perkhidmatan bagi kesemua perkhidmatan dalam sektor awam.

Rasional pendekatan yang menyeluruh seperti ini ialah untuk membolehkan anggota-anggota sektor awam memainkan peranan dalam menghadapi cabaran-cabaran perubahan persekitarannya dengan lebih cekap, berkesan dan berkualiti. Secara demikian, sektor awam akan dapat meningkatkan lagi prestasinya dan secara langsung membantu sektor swasta dalam pertumbuhan ekonomi negara.

KAD KREDIT DAN KAD CAJ— PENGGUNAAN

23. **Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung penggunaan kad kredit yang berleluasa; dan
- (b) selain inflasi apakah kesan-kesan ekonomi lain yang berpunca dari penggunaan kad kredit yang berleluasa tanpa kawalan.

24. **Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat ini, berapakah kad kredit telah dikeluarkan oleh bank-bank dan institusi kewangan; dan
- (b) butir-butir garis panduan baru terhadap pengeluaran kredit yang akan dilaksanakan oleh Bank Negara bagi tujuan mengawal ketat pengeluaran kad untuk menghalang pertumbuhan kadar inflasi.

8.11.91

14. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sudahkah pihak Kerajaan mengenalpasli tentang akibat negatif hasil dari pengeluaran

Kad-kad Kredit atau "Charge Card" dengan berleluasa oleh pihak bank dan institusi kewangan;

- (b) apakah langkah Kerajaan untuk memperbaiki peraturan dan kaedah untuk mengawal dengan lebih kemaskini akan prosedur pengeluaran kad-kad kredit tersebut; dan
- (c) berapa ramaikah individu yang telah diisytiharkan sebagai muflis akibat penggunaan kad kredit ini.

27. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah Kad Kredit menekankan inflasi meningkat di negara ini, adakah Kerajaan bersedia melaksanakan garis panduan atau syarat bagi mengetatkan pengawalan pengeluaran kad kredit.

27.77.97

9. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kad kredit yang telah dikeluarkan kepada rakyat Malaysia bagi tahun 1990 dan 1991 serta menyatakan syarikat-syarikat yang mengeluarkan kad kredit bagi tahun-tahun yang dinyatakan di atas;
- (b) berapa jumlah bebanan hutang rakyat hasil daripada penggunaan kad kredit bagi tahun 1990 dan 1991;
- (c) sejauh manakah kesan penggunaan kad kredit yang dapat dikesan terhadap peningkatan inflasi yang berlaku di negara ini; dan
- (d) jika penggunaan kad kredit ini menambahkan peningkatan inflasi, apakah langkah-langkah Kementerian Kewangan bagi mengatasinya.

29.77.97

15. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Bank Negara untuk mengemaskinikan kawalan pengeluaran kad kredit supaya ia hanya dikeluarkan kepada pengguna-pengguna yang benar-benar layak dari segi "credit standing"nya.

2.72.97

22. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah seriusnya penggunaan kad-kad kredit di negara ini telah mempengaruhi keadaan perbelanjaan dan inflasi di negara ini; dan
- (b) apakah Dasar Kementerian dari segi:
 - (i) Peraturan pengeluaran kad kredit;
 - (ii) Sistem pengawalan penggunaan kad kredit; dan
 - (iii) Cara perbelanjaan pemegang kad kredit.

9.72.97

12. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa banyakkah syarikat-syarikat atau bank-bank yang telah berurusniaga dan memberi perkhidmatan kad kredit;
- (b) apakah jenis-jenis atau bentuk penipuan kad kredit yang telah dikenalpasti;
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan berlarutan;

- (d) berapakah anggaran kasar wang-wang yang dibelanjakan melalui kad kredit bagi tempoh 6 bulan pertama 1991; dan
- (e) sekiranya mengikut hak, adalah tidak wajar Kerajaan menghalang pengguna kad kredit untuk berbelanja. Jadi, apakah tindakan Kerajaan bagi mengurangkan pemborosan ini yang mana akan menaikkan kadar inflasi negara.

Dato' Loke Yuen Yow: Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh 7 Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Pinji yang juga dijadualkan dijawab pada hari ini, Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam yang dijadualkan dijawab pada 8 November 1991, Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh yang dijadualkan dijawab pada 15 November 1991, Ahli Yang Berhormat daripada Rantau Panjang yang dijadualkan dijawab pada 27 November 1991, Ahli Yang Berhormat daripada Jelebu yang dijadualkan dijawab pada 29 November 1991, Ahli Yang Berhormat daripada Pagoh yang dijadualkan dijawab pada 2 Disember 1991 dan Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Benut yang dijadualkan dijawab pada 9 Disember 1991, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini Bank Negara sedang menjalankan kajian yang lebih terperinci mengenai operasi kad kredit dan kad caj di negara ini. Oleh itu Kerajaan masih belum mengenakan apa-apa peraturan mengenai pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj di negara ini selain daripada mengawasinya sahaja. Sebarang keputusan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj akan dibuat selepas kajian mengenainya selesai dijalankan oleh Bank Negara nanti.

Sungguhpun begitu sukacita dimaklumkan bahawa sebagai langkah awal ke arah mengawal perniagaan tanda kredit, dengan izin, "credit token business", yang termasuk kad kredit dan kad caj, Kerajaan telah mengelaskan perniagaan itu sebagai institusi-institusi terjadual di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 di mana mereka dikehendaki berdaftar dengan Bank Negara dan menyampaikan maklumat-maklumat mengenai perniagaan mereka kepada Bank Negara. Melalui maklumat-maklumat yang diterima, Bank Negara akan dapat mengikuti perkembangan dalam perniagaan kad kredit dan kad caj.

Setakat ini kesan penggunaan kad kredit dan kad caj ke atas kenaikan kadar inflasi negara masih belum dapat dibuktikan dengan statistik yang kukuh. Dalam kajian awal yang dibuat oleh Bank Negara, jumlah kredit yang diberi melalui penggunaan kad kredit hanyalah kira-kira 0.8% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem bank. Dengan itu, kesannya ke atas inflasi adalah atnat kecil. Di samping itu juga perbelanjaan yang dibuat melalui kad kredit juga merupakan sebahagian kecil daripada jumlah perbelanjaan penggunaan di negara ini di mana anggaran kasarnya bagi setengah tahun pertama 1991 adalah kira-kira 6% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan.

Penggunaan kad kredit dan kad caj di kalangan masyarakat pada masa ini adalah tidak dapat dielakkan kerana ia merupakan suatu perkhidmatan yang diwujudkan untuk kemudahah orang ramai. Di samping itu, penggunaan kad kredit dan kad caj juga sedikit sebanyak membantu dalam perkembangan ekonomi negara khususnya dalam perkembangan industri pelancongan.

Sungguhpun begitu Kerajaan juga sedar bahawa penggunaan kad kredit dan kad caj boleh memberi kesan ke atas inflasi sekiranya pengguna-pengguna kad membuat perbelanjaan secara berlebihan melalui kemudahan kredit

yang diberikan kepada mereka. Dalam hubungan ini, pengguna-pengguna perlulah menggunakan kemudahan itu dengan bijaksana dan menggunakannya mengikut kemampuan mereka. Mereka juga perlu sedar bahawa kadar faedah yang dikenakan ke atas baki kredit adalah tinggi iaitu di antara 16% hingga 24% setahun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 3 jenis kad kredit dan 2 jenis kad caj yang dibenarkan beroperasi di Malaysia. Jenis-jenis kad kredit itu ialah VisaCard, Mastercard dan Execcard manakala kad caj pula ialah American Express dan Diners Club. Ia dikeluarkan oleh 15 buah institusi kewangan di negara ini.

Setakat 30 Jun 1991, bilangan kad kredit dan kad caj yang dikeluarkan di Malaysia adalah masing-masing sebanyak 834,811 dan 191,678 berbanding dengan sebanyak 703,036 dan 190,225 pada 31 Disember 1990. Kad-kad itu dikeluarkan dengan had kredit sejumlah \$3.48 bilion pada 30 Jun 1991 berbanding dengan had kredit sejumlah \$2.87 bilion pada 31 Disember 1990.

Dalam setengah lahun pertama 1991 perbelanjaan yang dibuat melalui kad kredit dan kad caj adalah sebanyak \$2.23 bilion. Jumlah perbelanjaan yang dibuat dalam suku tahun akhir 1990 ialah sebanyak \$1.11 bilion. Jumlah perbelanjaan untuk keseluruhan tahun 1990 tidak dapat diperolehi kerana Bank Negara hanya mengumpul rekod mulai bulan Oktober 1990. Jumlah kredit yang belum diselesaikan setakat 30 Jun 1991 adalah sebanyak \$1.39 bilion berbanding dengan sebanyak \$1.16 bilion pada 31 Disember 1990. Jumlah ini berubah-ubah dari masa ke semasa bergantung kepada pembayaran balik yang dibuat oleh pemegang-pemegang kad.

Mengenai penipuan kad kredit pula, adalah difahamkan bahawa sebanyak 68 aduan telah diterima oleh pihak polis bagi tempoh bulan Januari 1991 hingga September 1991. Ia melibatkan jumlah

wang sebanyak \$231,949. Bagi tahun 1990 pula, bilangan aduan yang diterima oleh pihak polis adalah sebanyak 63 yang melibatkan jumlah wang sebanyak \$1,050,000. Bentuk-bentuk penipuan yang biasa dilaporkan adalah seperti berikut:

- (i) pemalsuan kad;
- (ii) pemalsuan tandatangan pemegang kad;
- (iii) penipuan yang dilakukan oleh pedagang-pedagang;
- (iv) penggunaan maklumat palsu ketika memohon kad; dan
- (v) penggunaan kad hilang yang belum dilaporkan.

Bagi membentaras kegiatan penipuan itu, pihak Bank Negara dari masa ke semasa berbincang dengan institusi-institusi kewangan bagi mencari jalan untuk mengatasinya. Di antara langkah-langkah yang dijangka akan diambil untuk mengelakkan pemalsuan kad kredit termasuklah dengan cara mengeluarkan kad kredit yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih canggih misalnya dengan mewujudkan kod-kod tambahan pada pita magnetik di kad-kad kredit.

Mengenai bilangan orang yang telah diisytiharkan muflis akibat daripada penggunaan kad kredit dan kad caj pula, Kementerian Kewangan tidak dapat memberikan maklumat-maklumat mengenainya kerana rekod-rekod mengenai orang muflis yang diselenggarakan oleh Jabatan Pemegang Harta, tidak mengelakkan sebab-sebab mereka dimufliskan.

BIRO PENGADUAN AWAM— ADUAN

25. **Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam dari bulan Januari hingga September tahun ini dan tentang sifat aduan-aduan tersebut.

Tuan Douglas Uggah Embas: Jumlah aduan yang diterima dari bulan Januari hingga September 1991 terhadap jentera perkhidmatan awam ialah sebanyak 1,203 aduan,

Kebanyakannya adalah berkaitan dengan kelambatan Jabatan-jabatan Kerajaan menjalankan urusan atau tidak menjawab surat-surat, masalah mendapat berbagai bayaran atau tuntutan dan kesukaran mendapat maklumat dan dokumen-dokumen daripada Jabatan-jabatan serta kelemahan agensi menjalankan kerja-kerja menguatkuasaan.

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN—KEMAJUAN DICAPAI

26. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Wilayah Persekutuan Labuan sejak ia diserahkan kepada Kerajaan Pusat pada 1984. Sebagai pusat IOFC pula, apakah hasil yang telah diperolehi dan adakah aktiviti-aktiviti perdagangan di Wilayah Persekutuan Labuan berkembang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Mohamed): Semenjak Wilayah Persekutuan Labuan diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan mulai 16 April 1984, pelbagai program dan projek pembangunan telah dilaksanakan. Untuk tujuan ini, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah \$260.6 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Antara program dan projek utama yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) membina semula jalan;
- (ii) pembangunan jeti/pelabuhan;
- (iii) bekalan air Fasa III;
- (iv) pembersihan najis Fasa I;
- (v) jalan kampung;
- (vi) memajukan kawasan perindustrian Panca-Panca;

- (vii) Masjid Pekan Labuan;
- (viii) Gudang Saguking; dan
- (ix) rumah kediaman Kerajaan.

Pelaksanaan program dan projek dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima telah menghasilkan faedah dalam bentuk pembaikan dan peningkatan kemudahan-kemudahan infrastruktur, penambahan aktiviti-aktiviti ekonomi, penyediaan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan serta peningkatan taraf hidup di Wilayah Persekutuan Labuan.

Mengenai pencapaian Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat IOFC pula, sebanyak 25 buah Syarikat Luar Pesisir telah ditubuhkan semenjak Labuan diisytiharkan sebagai Pusat IOFC pada 1 Oktober 1990. Syarikat Luar Pesisir berkenaan boleh dikategorikan seperti berikut:

- (i) 3 Bank Luar Pesisir;
- (ii) 3 Syarikat Pegangan Harta;
- (iii) 3 Syarikat Pegangan Pelaburan;
- (iv) 7 Syarikat Perdagangan;
- (v) 1 Syarikat Perunding; dan
- (vi) 1 Syarikat Insurans Luar Pesisir.

Penubuhan Syarikat Luar Pesisir telah dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi Labuan dan mendorong perkembangan kegiatan industri-industri seperti industri pelancongan, perniagaan dan perdagangan. Pertumbuhan ekonomi ini telah berjaya menambah peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang diperlukan bagi memajukan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC. Antara program infrastruktur dan kemudahan asas yang akan dilaksanakan ialah Taman Kewangan Antarabangsa, Padang Golf, sebuah bangunan terminal

baru Lapangan Terbang Labuan, meningkatkan sistem perhubungan dan telekomunikasi, membina sebuah hospital baru dan Kompleks Pejabat Kerajaan.

Kerajaan yakin Wilayah Persekutuan Labuan akan menjadi sebuah IOFC yang berjaya apabila program dan projek berkenaan siap dilaksanakan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (24hb. Oktober. 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila sambung.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Kepong mempersoalkan berapakah banyak hasil cukai yang akan berkurangan kesan daripada pindaan dan pengenalan seksyen 10A kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBAT).

Saya telahpun menyatakan dalam ucapan saya semalam, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan pengenalan seksyen 10A di bawah pindaan yang dicadangkan kepada LOBAT ini tidak ada apa-apa pengurangan hasil kepada Kerajaan dan tidak ada apa-apa perbelanjaan tambahan kepada kerajaan.

Sebaliknya, bayaran yang akan diterima oleh Kerajaan akan bertukar daripada hasil cukai kepada hasil bukan cukai di mana jumlahnya adalah tetap sama iaitu sebanyak \$20,000. Sama ada jumlah itu dibayar atau diterima oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri ataupun Pendaftar Syarikat, ianya tidak perlu dipersoalkan kerana kutipan oleh kedua-dua agensi atau Jabatan itu akan dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan iaitu it goes to the Consolidated Fund, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya ingin sekali lagi menjelaskan bahawa pengenalan seksyen 10A yang baru kepada Akta LOBAT ini bukanlah bermaksud memberi pengecualian kepada syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan daripada pembayaran cukai pendapatan tetapi hanya untuk memberikan mereka pilihan tambahan kepada syarikat-syarikat tersebut dan memudahkan syarikat-syarikat itu daripada segi membuat pembayaran kepada Kerajaan.

Jumlahnya yang akan diterima oleh Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, tetap sama iaitu \$20,000 sama ada mereka membuat pembayaran kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri ataupun kepada Pendaftar Syarikat. Dan dengan pindaan yang dicadangkan, syarikat-syarikat luar pesisir akan mempunyai satu lagi pilihan lambakan dari segi pembayaran jumlah \$20,000 iaitu membayarnya sebagai cukai kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri atau sebagai satu fee kepada Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja ucapan saya dan saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kcmukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Penua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990 dan 1991) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$496,764,900 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1990 adalah berjumlah \$5,791,400 dan daripada jumlah ini sebanyak \$5,227,300 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, manakala bagi daripada jumlah tersebut sebanyak \$564,100 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada Perbekalan Undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Seksyen 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$3.3 juta di bawah Maksud B.27—Kementerian Luar Negeri untuk menampung bayaran emolumen berikutan pelarasan gaji kakitanganambilan tempatan di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri dan untuk bayaran kenaikan kos perhubungan, komunikasi dan utiliti.
- (2) Tambahan sebanyak \$1.8 juta di bawah Maksud B.59—Jabatan Perpaduan Negara untuk pelarasan perbelanjaan berikutan perpindahan Jabatan ini dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa penyusunan semula Kementerian dan Jabatan pada 27hbOktober, 1990.

Peruntukan tambahan yang lain sebanyak \$93,400 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai kenaikan kadar Elaun Khidmat Awam di bawah Maksud B.26—Kementerian Pendidikan dan B.43—Jabatan Pertahanan Awam.

Butir-butir dan penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1990 ini bolch didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1991 dan

dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai kertas Perintah 12A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1991 adalah berjumlah \$530,077,900. Dari jumlah ini sebanyak 5491,537,600 diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$38,540,300 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$213.7 juta di bawah Maksud B.52—Kementerian Kerjaraya untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak \$208.9 juta untuk membolehkan Lembaga Lebuhraya Malaysia membayar balik pinjaman-pinjaman yang diperohi; dan
 - (ii) sebanyak \$4.8 juta adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran kenaikan gaji 5%.
- (2) Tambahan sebanyak \$ 150 juta di bawah Maksud B.26—Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:
 - (i) sebanyak \$115 juta untuk bayaran kenaikan gaji 5% bagi kakitangan di bawah Program Pendidikan Rendah dan Menengah;
 - (ii) sebanyak \$24.9 juta adalah untuk pemberian sebanyak \$15.7 juta kepada Universiti Islam Antarabangsa untuk menampung kekurangan

peruntukan belanja mengurus dan kenaikan gaji 5%. Pemberian sebanyak \$9.2 juta kepada Universiti Utara Malaysia untuk Tabung Pinjaman Perumahan dan Kenderaan dan kenaikan gaji 5% dan pemberian sebanyak \$10 juta kepada Universiti-universiti Tempatan bagi memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk menampung kenaikan yuran pengajian.

- (3) Tambahan sebanyak \$40 juta di bawah Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial.
- (4) Tambahan sebanyak \$32.29 juta di bawah Maksud B.36—Polis DiRaja Malaysia untuk menampung kekurangan peruntukan bayaran kenaikan gaji 5% bagi Pegawai Polis dan kakitangan awam.
- (5) Tambahan sebanyak \$20.5 juta di bawah Maksud B.28—Perbendaharaan untuk membiayai perbelanjaan berikut:
 - (i) tambahan sebanyak \$15 juta untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi sumbangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Kebajikan;
 - (ii) tambahan sebanyak \$2.5 juta untuk menjelaskan bayaran terakhir perolehan komputer Jabatan mengakaun sendiri, kos

penyelenggaraan komputer di 7 buah Jabatan mengakaun sendiri dan sewaan ruang pejabat Jabatan Akauntan Negara, Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

- (iii) tambahan sebanyak S2.0 juta untuk menampung kekurangan peruntukan bayaran kenaikan gaji 5%; dan
 - (iv) tambahan sebanyak \$0.4 juta untuk membiayai perbelanjaan awal bagi kerja-kerja penggantian 6 buah lif bangunan Kementerian Kewangan.
- (6) Tambahan sebanyak \$20 juta di bawah Maksud B.56—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk sumbangan Kerajaan kepada Yayasan Kebajikan Negara bagi membantu badan-badan kebajikan dan juga kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik seperti orang cacat, orang tua dan anak-anak yatim.
- (7) Tambahan sebanyak \$10.7 juta di bawah Maksud B.20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk perbelanjaan seperti berikut:
- (i) Sebanyak \$10 juta untuk bayaran kemajuan pembinaan pavilion dan kerja-kerja yang berkaitan bagi penyertaan Malaysia di dalam Eksposisi Serille, Sepanyol, pada tahun 1992;
 - (ii) tambahan sebanyak \$0.7 juta untuk menampung perbelanjaan bagi memperbaharui persembahan audio-visual dan pem-

belian alat-alat baru bagi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Peruntukan Tambahan yang lain-lain sebanyak \$4,470,100 adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, B.39 Jabatan Pendaftaran Negara dan B.47—Kementerian Pengangkutan.

Bulir-butir dan penjelasan-penjelasan lanjut mengenai Peruntukan Tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kcdua, 1991 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1990 dan Tambahan Kedua, 1991.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1990 adalah berjumlah \$541,700 untuk perbelanjaan cara langsung, Tambahan tersebut adalah dikehendaki di bawah Maksud P.58 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk pelarasan perbelanjaan berikutan pengujudan Kementerian ini di dalam penyusunan semula tugas Kementerian/Jabatan mulai 27hb Oktober, 1990.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1990 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Penua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1991 adalah berjumlah \$107,862,040. Dari jumlah tersebut, sebanyak 5107,670,040 adalah perbelanjaan cara langsung dan sebanyak \$192,000 adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan peruntukan adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$100 jutadi bawah Maksud P.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai projek-projek bekalan air dan elektrik luar bandar bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- (2) Tambahan sebanyak \$2.7 juta di bawah Maksud P.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai pembelian peralatan dan bayaran kemajuan kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek Kompleks Budaya Negara, Pusat Penerangan Pelancongan Kuala Lumpur dan di Tambak Johor, Johor Bharu, Projek Pelancongan Tasik Kenyir, Sekayu dan juga Panggung Eksperimen di Kompleks Budaya Negara.
- (3) Tambahan sebanyak \$2.3 juta di bawah Maksud P.18 Kementerian Perusahaan Utama untuk membiayai pembelian peralatan dan bayaran kemajuan bagi pembinaan projek-projek rancangan pembangunan pengurusan hutan di Semenanjung, Pusat Penyelidikan Kayu dan Latihan Teknik, Sekolah Latihan Perhutanan, Tempat Kehidupan Binatang-binatang Liar, semuanya di Sarawak dan Projek Pengurusan Perhutanan Inventory di Sabah.

Peruntukan tambahan yang lain-lain sebanyak \$2,781,820 adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan di bawah Maksud-maksud P. 16 Jabatan

Perkhidmatan Bomba, P.17 Kementerian Belia dan Sukan, P.23 Jabatan Arkib Negara dan P.44 Kementerian Penerangan. Butir-butir dan penjelasan-penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1991 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah I5A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1990 dan Tambahan Kedua, 1991 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4) 1990

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1991

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang

tambahan sebanyak \$108,403,740 diperuntukkan daripada Kumpulan-wang Pembangunan-

- (1) bagi tahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah lima ratus empat puluh satu ribu, tujuh ratus ringgit (\$541,700) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut: dan
- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus tujuh juta, lapan ratus enam puluh dua ribu, empat puluh ringgit (\$107,862,040) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyekong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk pebelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibacakan kali yang kedua sekarang; dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini, diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Kepong.

4.28 pig.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya takut tidak ada orang yang akan mengambil bahagian. Nampaknya tidak ada seorang pun Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan berucap ya.

Dr Tan Seng Giaw; Kalau tidak, dalam masa beberapa minit luluslah peruntukan wang yang begitu banyak. Sebahagian besar Ahli Yang Berhormat sibuk kembali ke kawasan-kawasannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tidak kena-mcngena dcngan Rang Undang-undang ini. Teruskan ucapan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya kawan-kawan lama saya pun sudah hilang hari ini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, pada hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jelaslah kesemuanya tambahan perbekalan sebanyak \$5,227,300 dikeluarkan

daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi menampung perbelanjaan mengurus tahun 1990.

Sebanyak \$491,537,600 dikeluarkan untuk perbelanjaan tahun 1991, Ini merupakan tambahan bekalan kali keempat bagi tahun 1990 dan tambahan bekalan kali kedua bagi tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan amaan yang dipinta untuk diluluskan bagi perbelanjaan yang sudahpun dibuat, saya terpaksa mengulang dan mengambil bahagian dalam perbincangan ini dengan lebih teliti lagi kerana permintaan ini bagi saya, tidak menunjukkan butir-butir yang selanjutnya, walaupun sentiasa dirujuk kepada Kertas Perintah 15A, Kertas Perintah 13A dan juga Keris Perintah 12A, ketiga-tiga memorandum itu, saya nampak butiran-butiran itu sangatlah kurang, memandangkan wang yang begitu besar jumlahnya yang dipinta.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan bekalan keempat tahun 1990, ekoran tambahan bekalan yang dibuat, keseluruhannya perbelanjaan mengurus pada tahun 1990 ialah \$27,755 juta, lebih \$2.7 bilion. \$262,095,000 perbelanjaan bekalan daripada anggaran asal ialah \$3,137,025,010. Daripada jumlah ini kebanyakan diberi bagi maksud pemberian dan kenaikan bayaran tetap iaitu kira-kira \$2,408,723,665, akan tetapi bagi tambahan bekalan kali ini sebahagian besar adalah diberi kepada butiran perkhidmatan dan bekalan. Kali ini memang ia menunjukkan banyakkah perkhidmatan dan bekalannya.

Sukalah saya sebutkan di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang dia buat homework sedikit, kalau kita tengok jawapannya dari masa ke semasa, syabas kepadanya kerana sanggup bekerja lebih kuat sedikit. Mungkin satu cadangan boleh dibuat untuk dinaikkan pangkat kepada Menteri. (*Ketawa*)

Walau bagaimanapun, saya berharap beliau tidak akan dipengaruhi oleh penasihat-penasihat di sekitarnya kerana

penasihat-penasihatnya kadangkala mereka bukan pakar di dalam bidang ini tetapi dia hendak memberi nasihat pula. Kila pun tidak boleh menyekat mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya tidak nampak ada butiran 'penasihat' dalam Rang Undang-undang ini.

Dr Tan Seng Giaw: Memang ada, ada penasihat belaka di situ. Kadangkala ada yang hendak jawab soalan-soalan daripada pihak kami kerana penasihat-penasihat itu menghalangkan, mereka diam sahaja. Itulah tabiat biasa, tetapi mujurnya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kurang dipengaruhi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak cukup lagi, banyak lagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik kepada tajuk.

Dr Tan Seng Giaw: Bagi tambahan bekalan kedua tahun 1991, bagi tambahan bekalan ini keadaan sama wujud iaitu pemberian dan kenaikan bayaran tetap mendapat bahagian paling besar daripada tambahan tetapi diikuti pula oleh emolomen dan kemudiannya perkhidmatan dan bekalan. Secara keseluruhannya bagi tahun 1991 iaitu termasuk tambahan bekalan pertama, pemberian dan kenaikan bayaran tetap masih perbelanjaan utama sekali diikuti pula emolomen dan juga perkhidmatan dan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali maksud pemberian dan kenaikan bayaran tetap adalah yang paling tinggi sekali, yang kami kurang faham ialah mengapakah sesetengah projek yang selalu menerima tambahan perbekalan, misalnya projek-projek kecil infrastruktur dalam tambahan kedua tahun 1991 tidak diberi butiran yang

tersendiri dalam Belanjawan. Perkara ini pernah saya membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas semasa perbahasan tambahan bekalan bagi kedua-dua tahun 1990 dan 1991.

Saya ingin menegaskan sekali lagi saranan kepada Kerajaan supaya mempertingkatkan lagi pertanggungjawaban kewangan untuk mengasing dan memberi kod tersendiri kepada butiran-butiran yang selalu menerima tambahan bekalan supaya perbelanjaan ke atas projek lebih jelas kelihatan dan senang diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya membuat satu, dua komen mengenai projek-projek kecil ini memandangkan permintaan itu, kadangkala empat kali setahun. Tahun ini sudah dua kali dan amaun itu bukan kecil, nampaknya kalau kita kira, tahun 1987 tambahannya \$50 juta, tahun 1988—\$50 juta, tahun 1989—\$82.9 juta, tahun 1990—\$135.1 juta dan setakat ini tahun 1991—\$40 juta.

Jadi, apakah yang dimaksudkan sebagai projek-projek kecil, infrastruktur, kemudahan awam dan sosial. Kalau kita tidak dapat buliran-butiran yang selanjutnya, mana kita tahu, projek-projek ini mungkin digunakan oleh segelintir orang untuk membuat sesuatu yang tidak patut dibuat. Kalau Yang Berhormat dari Padang Terap tidak berminat, saya pun hairan jugalah.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tolong dia, supaya dia tahu baca semua ini. Keterangan lanjut telah diberi di dalam Lampiran 'A'.

Dr Tan Seng Giaw: Mana Lampiran 'A'?

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Mungkin dia tidak baca, semua Lampiran 'A' di dalam Kertas Perintah ini ada keterangan lanjut. Jadi, kalau detail untuk setiap itu tidak perlu diberi di sini, saya fikir Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini memang dia mungkin ada hubungan baik dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia sanggup kata Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab sekarang ini. Kalau sebelum ini tidak mahu, sekarang ini hendak pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi saya nampak Yang Berhormat dari Padang Terap tadi, cuma hendak membantu Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Oh, hendak bantu saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukan hendak minta penjelasan, cuma hendak membantu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Saya memang terimalah, kalau bantuan itu dibuat dengan baik. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan selain daripada angka-angka yang diberi mengenai perbelanjaan, tidak ada penjelasan, dari segi angka, ya saya tahu—13, terlalu banyak Kertas Perintah.

Walau bagaimanapun, saya percaya memandangkan begitu banyak wang diminta diluluskan di Dewan yang mulia ini selepas wang itu digunakan, saya berpendapat perlulah kita wujudkan suatu biro khas untuk projek-projek kecil untuk menyelaraskan, mengendalikannya semua ini supaya tidak ada seseorang Ahli Parlimen di dalam Barisan Nasional, bukan Pembangkang—Pembangkang tidak dapat, walhal itu wang rakyat juga, mengapa kita beri kepada pihak Barisan Nasional sahaja?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw: Kalau hendak bantu saya, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, saya alu-alukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun pula.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak pernah mendapat wang. Wang yang dibelanjakan adalah dalam kawasan daerah yang dibuat oleh Pegawai Daerah. Kami tidak pernah mendapai satu sen pun untuk dibcri. Kita hanya memohon. Ahli daripada DAP pun boleh memohon daripada Pegawai Daerah dan Pegawai Kemajuan Negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Ini yang pertama kalilah saya tahu, hendak membuat permohonan dahulu. Oh! begitu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, biasanya Ahli-ahli Parlimen, terutamanya Menteri, Timbalan Menteri mungkin selepas dia buat permohonan melalui Pegawai Daerah, kemudian dia umum di dalam akhbar. Kadangkala Radio dan Telivesyen Mahathir, kemudian dialah dapat memperuntukkan wang untuk sekian-sekian mesjid, untuk sekian-sekian jambatan dan jalan diturap. Ini permohonan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Cuma Padang Terap yang tidak diturap tar.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak faham mengenai dengan mekanisme pemberian wang Kerajaan. Kalau apa pun diisytiharkan oleh Yang Berhormat dari Larut atau sesiapa, adalah pemberian Kerajaan. Tolong isytiharkan pemberian Kerajaan itu di mana-mana yang kita beri, yang Kerajaan beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu adakah penjelasan yang Yang Berhormat hendak minta daripada Yang Berhormat dari Kepong?

Dalo' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini hendak minta penjasankah?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Penjelasan yang saya minta adakah dia faham mengenai dengan mekanisme perbelanjaan Kerajaan? Saya fikir dia tidak faham.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mekanisme sedemikian ini adalah satu mekanisme pelik binti hairan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Peruntukan wang itu sudah dibelanjakan, kemudian kita balik ke Dewan Rakyat ini untuk diluluskan dan satu mekanisme dibuat, di mana Ahli Parlimen Barisan Nasional membuat permohonan. Selepas permohonan itu, satu permohonan termasuk pengumuman di dalam akhbar dan juga Radio dan Televisyen Mahathir. Itulah mekanisme. Apakah maksud mekanisme ini? Wang siapakah ini? Jadi, untuk publisiti. Jadi, scbab itulah saya nampak tidak ada yang berminat mengambil bahagian dalam perbahasan ini, kerana sudah buat perbahasan di dalam akhbar dan RTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap satu biro diadakan untuk menyiasat, untuk menyelaras dan memastikan semua ini dijalankan dengan betul dan tidak ada kecurangan, penyelewengan ataupun kong-kalikong. (*Ketawa*)
(*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, jangan berdialog.

Dr Tan Seng Giaw: Kong-kalikong, bukan binatang, bukan mergastua. Kita memperbincangkan Bekalan Tambahan sekarang, bukan hendak bincang mergastua, walaupun ada sedikit untuk di sini untuk perhutanan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kami juga memerhati bahawa Anggaran Tambahan Bekalan Keempat Tahun 1990 membuat peruntukan tambahan lagi kepada mungkin tanggungan untuk tujuan perbelanjaan kerana hutang negara. Butiran ini adalah butiran yang tersangat penting. Bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini kedudukan hutang negara sekarang? Apakah kedudukan sebelum tambahan bekalan dibuat? Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri memang dia sangat pakar di dalam hutang negara sekarang, kerana menurut beliau kita boleh bayar.

Sekarang tidak mahu bayar hutang awal kerana tidak begitu sesuai lagi, kerana terma-terma, syarat-syarat di dalam hutang negara sekarang kalau kita hendak bayar lebih awal lagi kita rugi. Mungkin sebahagian itu benar. Tetapi memandangkan keghairahan beliau untuk menjadi jaguh hutang negara sekarang, saya nampak mungkin ada udang di sebalik batu juga. Memang kalau kita dapat menghapuskan semua atau membayar semua hutang negara, itu satu perkara yang diharapkan oleh rakyat Malaysia kerana di Singapura tidak ada hutang kepada orang lain. Kalau kita boleh sampai tahap seperti Singapura ataupun United Kingdom sekarang pun sudah tidak ada hutang luar negara. Itulah tahap yang diharapkan, mungkin Yang Berhormat dari Padang Terap setuju dengan saya. Kita tidak mahulah hutang kepada orang lain.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju. (*Ketawa*) Kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Dia kata saya setuju dengan dia, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini bukan sesi Soal-Jawab. Kalau minta penjelasan, silakan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Kepong itu faham mengenai dengan perbelanjaan negara yang berlainan di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain? Macam di Singapura itu, dia tidak ada ruang untuk pembangunan untuk rakyatnya. Sudah tercapai kepada tahap yang cukup dari segi kehendak-kehendak asas. Di Malaysia ini banyak lagi rakyat yang tertinggal dari kehendak-kehendak asas. Begitu juga England, dia tidak perlu meminjam. Jadi, kita perlu meminjam kerana pinjaman adalah satu kaedah ataupun satu cara untuk membangun dan juga untuk membuat duit sekarang ini. Yang Berhormat kurang faham mengenai mekanisme ekonomi. Itu penjelasan, adakah Yang Berhormat faham penjelasan itu? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Memang kefahaman Yang Berhormat dari Padang Terap ini berlainan sedikit. Memang di dalam ekonomi yang berkembang, di dalam pembangunan yang pesat, memang dari semasa ke semasa pinjaman perlu dibuat untuk menampung perbelanjaan. Tetapi di Malaysia ini, saya berharap pinjaman itu tidak boleh besar sangat, kerana kita mempunyai sumber-sumber yang banyak, Malaysia kaya-raya dengan sumber asli.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa

debt servicing ratio, dengan izin, adalah yang paling terendah di dunia iaitu 7% daripada KDNK? Dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menjadi jaguh pun, memang dia adalah seorang jaguh dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam menguruskan pembayaran balik wang negara. Adakah Yang Berhormat setuju?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan, setuju kepada siapa sekarang ini? Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau kepada Yang Berhormat dari Padang Terap, mana-mana pun boleh, kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utamapun boleh. *(Ketawa)*

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Padang Terap bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Oleh kerana di dalam sumber asli kita itu, sumber-sumber negara kita, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pun memainkan peranan yang penting dengan industri koko, kelapa sawit, getah dan termasuk lada himm juga.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak bertanya Yang Berhormat lagi sekali, adakah beliau setuju bahawa kadar debt servicing ratio, dengan izin, negara kita adalah yang paling terendah di kalangan negara-negara membangun, malah negara-negara di seluruh dunia?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat seluju bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah jaguh di dalam bidang pengurusan kewangan negara di seluruh dunia ini? Adakah setuju?

Dr Tan Seng Giaw: Setuju macam itu *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sama ada Yang Berhormat hendak jawabkah atau tidak, ilu terserah ya.

Dr Tan Seng Giaw: Dia hendak setuju macam itu? Saya hairan juga mengapa hendak setuju macam itu. Saya kata tadi, kalau kita boleh membayar semua hutang, itu lebih baik, tidak payah adakan debt servicing ratio ini 7% pada umumnya yang terbaik di dunia, tidak ada yang lebih baik, barangkali dia hendak sebutkan Amerika Latin atau kita hendak banding dengan Brazil, tidak payah hendak banding dengan orang yang lebih dahsyat, lebih kurang, tidak berdaya ataupun dengan pengemis, itu hendak banding dengan pengemis—tidak payah. Kalau kita hendak banding dengan orang yang lebih besar, lebih kuat, lebih baik daripada kami, itu perbandingan yang wajar, yang waras, yang bijak

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong, adakah bijak jikalau kita banding negara kita dengan Singapura, kerana Singapura adalah city state, iaitu satu negara yang setengah, yang kecil daripada Perlis? Jadi itu satu city state yang tidak boleh berkembang, yang para meternya terlalu kuat, sudah tetap tidak boleh membangun, ke tepi atau ke atas tidak boleh naik. Adakah adil bagi Yang Berhormat dari Kepong membandingkan negara kita yang luas dan ramai penduduknya dengan Singapura? Adakah Singapura menjadi satu negara ideal bagi Yang Berhormat? Ilu soalan saya.

Dr Tan Seng Giaw: Baik. Saya tidak sebutkan bahawa kita bandingkan dengan Singapura semata-mata, kerana saya seluju sebahagian hujahnya tadi, sebahagiannya betul juga.

Kalau kita hendak bandingkan dengan negara-negara yang mempunyai sifat yang sama, tetapi walau bagaimanapun kita boleh tekankan dari

beberapa bidang, dari segi pengurusan wang, pengurusan sumber asli, Singapura hanya ada sumber manusia, kita ada berbagai jenis sumber, sumber pokok terap pun ada . . . (*Ketawa*)

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Saya pun confuse dengan confusionnya, carik-barik otaknyanya.... (*Ketawa*)

Kalau saya tidak salah dahulu dalam satu daripada ucapan Yang Berhormat dari Kepong, beliau telah menyatakan prinsip-prinsip ICOR (Incremental Capital Output Ratio). Dia bercakap sebagai ahli ekonomi, tetapi hari ini dia bercakap lain pula, kerana kalau dibandingkan Singapura dengan kita, tiap-tiap inci tanah di Singapura dia punya ICOR adalah tinggi, diletak sedikitpun dia naik banyak.

Di negeri kita ICORnya adalah rendah, sebab Sabah, Sarawak belum lagi dibangunkan. Kedah, Kelantan, Terengganu belum lagi mendapat pembangunan yang cukup, jadi ICORnya rendah. Apabila diletak duit di situ, duit itu akan lesap begitu sahaja, tidak mendapat hasil. Kalau dahulu bercakap mengenai dengan ICOR dengan penuh authority, mengapa hari ini Yang Berhormat dari Kepong mencerminkan kejahilan mengenai dengan konsep ICOR ini?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itulah cara ICOR yang disebutkan tadi.

Kalau saya setuju dengan sebahagiannya pun tidak boleh, saya sudah katakan tadi, setuju sebahagian pun tidak boleh, dia hendak 100%, kalau begitu dia masuk DAP, jadi kita boleh setuju dengan 100%. Kalau kita setuju sebahagian pun tidak boleh, hendak 100%—all or none, dengan izin. Macam mana all or none macam itu? Kalau begitu habislah semuanya, sedikitpun boleh. Saya setuju ada sebahagian yang dikatakan mengenai ICOR, itu benar. Singapura adalah maju tetapi negaranya

begitu kecil, memang fenomena ini berlaku. Kalau kita setuju dengan setakat itu, tidak cukup bagi dia, tiap-tiap perkataan yang disebutkan di sini, kita dikehendaki setuju semua, itu tidak boleh, kerana kita bukan insan yang kamil... (*Ketawa*) Padang Terap bukan insan yang kamil....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan

Dr Tan Seng Giaw: ...bukan makhluk yang sempurna.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

.... saya bukannya minta dipersetujui opinion saya, saya hanya minta dia mengakui faktor atau facts yang sebenar. Saya tidak memberi opinion, ini adalah facts.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Padang Terap setuju? Ini kita hendak tanya balik, kalau kita ada sumber asli yang kaya, baik kita gunakan dengan lebih teratur, lebih berjimat-cermat, supaya kita dapat manfaat yang banyak, baik kita gunakan wang daripada minyak mentah, daripada gas yang begitu kaya, yang boleh digunakan sampai 100 tahun. Adakah dia setuju kita mesti menggunakan wang yang banyak ini dengan baik? Adakah dia setuju kita conserve sedikit sumber asli kita, supaya generasi-generasi akan datang dapat menikmati kekayaan, adakah dia setuju?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan cuba berdialog di sini ya, melainkan minta penjelasan, itu saya benarkan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya,

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, adakah Yang Berhormat setuju kalau saya katakan 'saya setuju'? Dan adakah Yang Berhormat setuju

kalau saya mengatakan bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan sekarang adalah ke arah itu, conservation of natural resources yang dibuat oleh Kerajaan? Misalnya melalui perhutanan, melalui pengurusan perhutanan yang kekal, yang menentukan hutan itu dinaikkan balik? Adakah Yang Berhormat setuju kalau saya kata 'saya setuju' dan saya mengatakan bahawa Kerajaan menjalankan exactly apa Yang Berhormat kata tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri banyak contoh mengapa dia kata conservation itu diambil kira. Saya ada pengalaman. Di Sungai Buloh ada lebih 1,000 ekar hutan simpan dan pihak PKNS atau Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, mengapa mereka tebang semua pokok di situ dan sekarang hutan simpan itu habis. Kemudian saya minta, macam mana kita boleh tebang semua, itu hutan simpan, tidak boleh tebang. Pihak Menteri Besar kata, dia sudah berunding dengan jabatan-jabatan yang berkenaan termasuk Jabatan Alam Sekitar dan membuat keputusan untuk memajukan, untuk membangunkan kawasan itu. Tetapi saya tulis kepada Jabatan Alam Sekitar untuk mengetahui sama ada ada environmental impact studies dan sebagainya, mereka kata masih dalam pertimbangan kerana ada satu kajian dikemukakan oleh PKNS ditolak dan mereka minta satu kajian yang baru dipertimbangkan tetapi semua pokok sudah ditebang. Itu conservationnya. Conservation, tebang semua, buang semua, bangunan bangunan untuk pusat industri dan pusat kediaman. Itu dia conserve dengan kediaman.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Larut bangun. Ya, hendak apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepong ini banyak benda dia tidak faham. Hutan simpan ada dua. Satu, disimpan untuk *ditebang*. (*Ketawa*) Yang lagi satu, simpan secara kekal. Jadi, yang di Kepong itu . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, apa soalnya Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak beri dia faham dan saya hendak tanya sama ada dia faham atau tidak tentang hutan simpan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini bukan masanya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta penjelasan dari dia, sama ada dia tahu atau tidak hutan simpan untuk ditebang dan hutan simpan berkekalan, suruh dia beri penerangan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya faham mengenai pentakrifan atau definisi hutan simpan yang baru. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab mengenai definisi hutan simpan. Ya, boleh jawab.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Hutan simpan atau, dengan izin, permanent forest estate, ada dua jenis. Seperti Yang Berhormat kata, satu jenis di dalam permanent forest estate adalah productive forest yang mana kita boleh tebang pokok di dalam hutan simpan itu. Yang lain ialah protective forest, yang mana protective forest tidak boleh ditebang, sebab ini adalah untuk menjaga air, alam sekitar, soil erosion dan lain-lain hal.

Jangan kata semua hutan simpan tidak boleh ditebang pokok-pokok di dalamnya. Selepas saya menjelaskan ini, saya ingin bertanya, saya duduk di sini setengah jam, saya confuse apa Yang

Berhormat dari Kepong bahaskan. Dia pusing-pusing dari pinjaman sehingga hutan-hutan, balik pergi mana-mana pun saya tidak tahu. (*Ketawa*)

Inilah sikap DAP. Dia suka pusing-pusing sehingga kita semua pun sudah confused. (*Ketawa*)

(Timbalan Yang di-Periua
mempengerusikan Mesyuarat)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ini pemusing yang terbesar. (*Ketawa*) Pemusing utama dan pemutar yang dahsyat. (*Ketawa*) Saya buat satu contoh kerana dia ada conservation policy yang dibuat oleh Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Menteri. Hendak conserve—saya setuju kalau hendak conserve tetapi hutan di Sungai Buloh itu protective forest. (*Ketawa*) Yang dia kata productive forest—boleh tebang, protective—tidak boleh tebang tetapi bagi pihak Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri Selangor kalau protective pun dia boleh tebang dan productive pun tebang—tebang belakalah. Mungkin ini satu strategi pemusing utamanya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat betul-betul pasti dan yakin bahawa hutan di Sungai Buloh itu adalah protective forest ataupun hutan simpan kekal? Adakah Yang Berhormat betul-betul pasti kerana ini adalah kenyataan dalam Parlimen?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, hutan di situ ada kawasan tadahan air. Kawasan tadahan air itu adalah protective forest kerana ia kawasan tadahan. (*Ketawa*)

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Penjelasan. Saya hendak minla Ahli Yang Berhormat menerangkan di sini sama ada semua pokok di kawasan yang dicadangkan oleh PKNS di Sungai Buloh itu ditebang termasuk hutan simpanan?

Dr Tan Seng Giaw: Ada soalan daripada Timbalan Menteri Alam Sekitar. Itu baik juga. Memang sesuai sekarang ini. Ada beberapa kawasan di Sungai Buloh ini termasuk kawasan tadahan air dan hutan simpan, bukan dia hendak tebang, hendak simpan yang itu, yang ini—tidak. Dia pergi, dia tebang, baru dia capak. Tiba-tiba, kita tengok pokok-pokok sudah hilang. Itulah hakikat.

Bukan saya hendak cadang apa-apa, cuma saya ada menulis kepada Jabatan Alam Sekitar dan saya dapat jawapan bahawa pihak Jabatan Alam Sekitar sedang mempertimbangkan EIA yang dikemukakan oleh PKNS iaitu EIA yang kedua. Macam mana sebelah pihak Jabatan Alam Sekitar masih mempertimbangkan EIA itu tetapi sebelah pihak Kerajaan sudah ditebang. Macam mana kita boleh buat? Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar boleh membenarkan keadaan sedemikian berlaku, seolah-olah Kementerian Alam Sekitar tidak wujud di dalam Malaysia? (*Tepuk*)

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dia memberitahu kepada tuduhan di dalam Parlimen, dia kata suka hati tebang sahaja begitu? Kita mempunyai undang-undang, bukan boleh tebang buta begitu. Saya rasa Ahli

dari Kepong ini diri dia telah confused sendiri, kerana dia membandingkan perbelanjaan Kerajaan dengan klinik kulit dia. (*Ketawa*)

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Saya tengok Ahli dari Kepong pusing-pusing sehingga dia sendiri tidak faham tetapi dia mahu pusing sahaja.

Hutan Simpanan Negara ada dua jenis. Satu, hutan simpanan kekal, dengan izin, permanem forest estate. Di dalam hutan simpanan kekal ada dua jenis, Satu, sebagai productive forest yang kita boleh menjalankan pembalakan di dalam hutan itu dan sejenis lagi hutan simpanan kekal ialah betul-betul kekal iaitu, dengan izin, protective forest. Selain dari itu adalah Hutan Kerajaan Negeri (State Land Forest) yang mana ialah direserved untuk ditebang semua jika dipentingkan atau dimustahakkan umpamanya untuk pertanian dan lain-lain pembangunan. Kita boleh tukarkan dari hutan simpanan kekal, State Land Forest kepada Hutan Kerajaan Negeri dan boleh ditukar dari Hutan Kerajaan Negeri kepada hutan simpanan kekal. Barangkali saya tidak tahu keadaan di Sungai Buluh, barangkali Kerajaan Negeri sudah membuat pertukaran itu. Bolehkah?

Tuan Wong Wing On: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, point of order.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Mana point of order? Duduklah! (*Ketawa*) Saya mahu jelaskan berkenaan apa yang sudah dijelaskan oleh Ahli dari Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri

Tuan Wong Wing On: Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan. siapa yang minta penjelasan? Menteri pun tidak tahukah? Point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa cukuplah itu. Kepong, teruskan dengan ucapan. Cukuplah tentang forestry, kawasan hutan dan sebagainya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita ada P.18 iaitu Kementerian Perusahaan Utama, Butiran 1,2, 3, 4, 5....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita belum sampai Butiran lagi, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Ah! itu hutan, Tuan Yang di-Pertua. Kita bukan main-main, itu relevant.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita belum sampai ke Butiran lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan di sini, di Sungai Buluh yang dekat dengan Forest Reserve Institute, kawasan itu memang hutan simpanan yang kekal. Forest Reserve Institute kita tidak boleh ditebang, ini yang di tepi yang dekat dengan Sungai Buluh dan juga di kawasan Tadahan Air. Cuma Yang Berhormat Menteri Besar Selangor kata sebahagiannya disimpan dan ini telah dibincang dengan Jabatan Alam Sekitar dan mereka mengalakan bahawa kalau disimpan sekian-sekian banyak, yang lebih itu boleh ditebang. Tetapi yang saya hairan di sini, saya telah bertanya persoalan ini entah berapa kali kepada Jabatan Alam Sekitar yang bertanggungjawab untuk alam sekitar di kawasan Sungai Buluh itu, tetapi setakat ini mereka belum membuat keputusan lagi mengenai Environmental Impact Assessment (EIA). Tetapi saya hairan juga, kalau tidak dibuat keputusan lagi sama ada bersetuju ataupun tidak bersetuju, macam mana ditebang dahulu? Ini sayahairan jugalah. Itu mesti kawasan simpanan kekal kerana ia dekat dengan Forest Reserve Institute.

Tuan Peter Chin Fah Kui: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada seorang Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Minta penjelasan. Tadi saya baru bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan beliau belum menjawab. Saya bersetujulah dengan Menteri tadi mengatakan Ahli Yang Berhormat dari Kepong cuba pusing sini pusing sana. Soalan saya senang sahaja. Saya bertanya sama ada semua pokok di kawasan yang dicadang untuk dimajukan oleh PKNS itu semua ditebang? Sampai sekarang tidak ada pokok langsung? Ini betul atau tidak? Ini termasuk Hutan Simpan? Ini saya minta Yang Berhormat menjawab. Yang Berhormat tadi menyebut seolah-olah semua pokok di Sungai Buluh telah ditebang.

Dr Tan Seng Giaw: Pokok-pokok di Sungai Buluh ada setengah tidak ditebang. Pokok-pokok rendah di tepi jalan ada juga sekarang ini dan juga pokok-pokok di Forest Reserve Institute pun masih ada. Tetapi di sini yang penting sekali ialah sebelum Jabatan Alam Sekitar membuat keputusan meluluskan atau tidak meluluskan, pihak Kerajaan Negeri sudah menebangnya. Memang ada sebahagian pokok yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu disimpan—mungkin 100 ekar di situ—core forest—disimpan, tidak ditebang. Itu cakapan dialah. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kalau berminat dalam bidang ini, saya sangat gembira, patut beliau mengambil perhatian. Juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar patut mengambil perhatian, sama-sama bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau boleh, ambillah tindakan untuk mengetahui sama ada pihak Jabatan Alam Sekitar sudah meluluskan Environmental Impact Assessment. Kalau telah diluluskan, saya hendak menengok

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, sebentar. Nampaknya sudah 15 minit kita membincangkan tentang pokok-pokok. Ada lagi point-point yang mustahak? Kalau tidak ada, beri peluang Ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Minta penjelasan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tadi, beliau bertanyakan jawapan Ahli dari Kepong, adakah semua pokok dalam Hutan Simpan Sungai Buluh telah ditebang atau ada yang tinggal lagi dari kawasan Hutan Simpan Sungai Buluh itu? Jangan lari dari itu. Kita bukan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor tetapi beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor tentu boleh jelaskan. Jangan pusing-pusing dan memberi false impression, dengan izin, di mana semua sudah ditebang, sebab keadaan tidak seperti apa yang disebutkan oleh Ahli dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak pusing situ, pusing sini.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Adakah dari Hutan Simpanan Sungai Buluh tinggal sebahagian lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Dia pusing sana, pusing situ. Di situ masih ada kawasan yang luas juga, Tuan Yang di-Pertua. Dia masih hendak bincang, tetapi saya akan menghadkan masa. Di kawasan Sungai Buluh memang ada kawasan-kawasan simpanan kekal dan ini berhampiran dengan kawasan Forest Reserve Institute dan juga ada Kawasan Tadahan Air. Tetapi yang dimaksudkan oleh saya tadi ada 1,000 ekar yang semua pokoknya telah ditebang.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Saya hendak jelaskan lagi, jangan pusing. Forest Research (FRIM) bukan dalam Hutan Simpanan Sungai Buluh, dia dalam Hutan Simpanan Kepong. Tolong jangan pusing lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah. Adakah point-point lain yang perlu dibincangkan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak pusing tetapi dia hendak menyelamatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar, sebab saya minta dia mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Kementerian ini meminta wang yang begitu banyak untuk pemasangan komputer bagi sistem maklumat Hutan Negara, saya harap Jabatan Perhutanan Negara dapat mengambil tindakan ke atas pembalakan haram di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak di mana pembalakan haram yang begitu berleluasa tetapi tindakan yang diambil oleh pihak Yang Berhormat Menteri tidak memuaskan—itulah hakikat dan kenyataan. Kita minta wang yang begitu banyak untuk komputer, untuk Pusat Penyelidikan Kayu, Pusat Latihan Teknik di Sarawak, untuk binatang-binatang liar di Sarawak, untuk pengurusan Perhutanan Inventory dan untuk Geography Information System. Kalau hendak minta wang yang begitu banyak untuk butiran-butiran tersebut, kita berharap sistem yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negara adalah baik, adalah sempurna, adalah berkesan untuk mencegah segala aktiviti perhutanan haram. Jangan kita pusing situ, pusing sini. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, kami juga memerhati bahawa emolumen terutama sekali untuk menampung kenaikan gaji 5% itu masih dibuat. Kini dengan pelaksanaan skim terbaru di mana kenaikan gaji di antara 8% hingga 10% dibuat termasuk 5% yang awal nampaknya lebih banyak tambahan bekalan yang perlu dibuat.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah kaitan permintaan Bekalan Tambahan ini

mengenai kenaikan gaji 5% terutamanya kepada pihak Polis. Adakah ini termasuk di dalam skim gaji yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Kami ingin bertanya kepada Kerajaan bagaimanakah ia bercadang menampung tambahan gaji termasuk membayar tunggakan gaji. Difahamkan bahawa tambahan ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan kira-kira \$1.78 billion hanya bagi bayaran tunggakan. Saya hairan juga mengapa kita bayar tunggakan yang begitu banyak? \$1.78 billion. Apakah tunggakan itu? Saya berharap ini bukan perhutanan yang mendapat tunggakan begitu besar. Sesungguhnya ia amat menggalakkan, ia memberi insentif kepada kakitangan awam untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan serta hasrat Kerajaan untuk mencuba dengan sedaya upaya menutup jurang perbezaan di antara pendapatan dan skim saraan (wage and pension scheme) supaya ia setanding dengan sektor swasta.

Akan tetapi yang kami bimbangkan ialah cara bagaimana Kerajaan akan menampung tambahan perbelanjaan ini tanpa mengenakan kos yang terlalu tinggi kepada ekonomi keseluruhannya, tekanan ke atas ekonomi negara dengan sistem gaji yang baru. Maka kami ingin tahu daripada tambahan gaji mahupun tunggakan gaji yang diberi apakah peratusan yang Kerajaan menjangka akan pulang kepada Kerajaan dalam bentuk cukai pendapatan atau cukai tidak langsung, Lebih-lebih lagi apabila pertumbuhan ekonomi dijangka akan lemah atau adakah kenaikan ditampung menerusi pinjaman.

Di sinilah saya hendak tahu sama ada pinjaman dibuat untuk gaji pula. Adakah kalau pinjaman dibuat daripada sumber mana, dalam negara atau luar negara untuk menampung kenaikan gaji memandangkan mungkin negara ini akan ditimpa kemerosotan ekonomi. Kerana kita tengok tekanan inflasi,

Consumer Price Index meningkat sekarang. Adakah sistem gaji yang baru ini akan membawa kesan yang buruk kepada ekonomi pada keseluruhannya.

Dan dengan kenaikan gaji yang banyak memang ada banyak kakitangan yang bertungkus-lumus, yang berdedikasi, yang ada komitmen yang memberi sumbangan yang baik, orang-orang ini patut terima gaji yang lebih baik, elaun yang lebih baik. Saya setuju. Tetapi saya nampak tiap-tiap kali masuk ke jabatan Kerajaan, saya nampak mesin itu, misalnya liap-tiap pejabat ada King's Power Quartz Electronic Time Recorder. King's Power Quartz Electronic Time Recorder. Clock in and clock out! Saya tengok ada clock in. Dan saya dengar ada clock in tetapi orang tidak ada. Ini segelinlir orang seperti inilah yang kita mesti ambil perhatian khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan adanya King Power Quartz Electronic Time Recorder ini, ini tidak bermakna semua akan memberi perkhidmatan dengan baik (*Diganggu*) Ini penasihat daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk menidakkan saya daripada berucap. Itu sangkaan sayalah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan gaji adakah negara Malaysia akan mendapat perkhidmatan yang lebih baik, yang lebih cemerlang, lebih berkesan untuk semua rakyat. Ini termasuk yang diminta hari ini iaitu tambahan untuk gaji. Dan sistem clock in, clock out itu sudah satu dekad sekarang. Apakah terjadi dengan sistem ini, adakah sistem ini berkesan? Ataupun cukup untuk membawa keuntungan yang lumayan kepada "King's Power Quaru" sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soal lain ialah tunggakan gaji tidak akan disalurkan kepada KWSP. Inilah pengesyoran yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober, 1991. Kami ingin tahu sama ada ada Kerajaan akan membayar juga bahagian tunggakan KWSP 11% sebagai majikan untuk kakitangan-kakitangan yang

mencarum kepada Kumpulan Wang itu. Gaji kakitangan mungkin tidak disalurkan kepada KWSP tetapi sebagai majikan, Kerajaan perlu menunaikan tanggungjawabnya kepada KWSP dan pekerja atau adakah Kerajaan dikecualikan oleh KWSP untuk membuat caruman kepada tunggakannya. Saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat penjelasan mengenai apa yang saya sebutkan tadi mengenai bahagian tunggakan KWSP 11% yang patutlah dibayar oleh Kerajaan,

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kami ingin tahu kesan penggubalan semula kategori-kategori kakitangan A, B, C dan D kepada kumpulan tiga utama iaitu Superscale, Managerial and Professional dan Supportive. Ini Superscale yang baru. Apakah kesan pelaksanaan sistem baru ke atas trend pengembangan tanggungan Kerajaan daripada segi emolumen pada masa akan datang. Bagaimanakah Kerajaan akan mengakaunkan insentif-insentif yang diberi kepada kakitangan yang cemerlang secara terang dan jelas dalam akaun Kerajaan termasuk Belanjawan. Ini bukan mudah untuk akaunkan semua insentif yang kononnya akan diberi kepada perkhidmatan kritikal. Golongan kritikal. Macam mana kita dapat mengakaunkan semua ini. Mungkin satu unit khas diperlukan untuk mengakaunkan semua insentif yang bakal diberi oleh pihak Kerajaan untuk pakar-pakar atau orang-orang yang dikategorikan kepada kumpulan kritikal. Mungkin Yang Berhormat dari Padang Terap bukan ke tahap kritikal lagi (*Diganggu*)

Macam mana tidak layan. Siapa yang berucap sekarang ini? Adakah kod butiran baru akan diubah untuk menunjukkan pampasan kusus itu. Jika tidak, mengapa? Maka bagaimanakah kita boleh mengesyorkan yang wang itu benar-benar dibelanjakan ke atas insentif untuk kakitangan secara hitam-pulih di dalam akaun Kerajaan dan dalam belanjawan tahunan. Kami berharap

pihak Kerajaan tidak bercadang mengelompokkan semua insentif yang diberi sebagai pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Butiran ini cukup terlebih digunakan, dengan izin, over used, dan mungkin abused, kerana biasanya peruntukan di bawah butiran sukar dikesan dan seringkali kurang diberi penerangan sepenuhnya oleh Kerajaan walaupun kami di pihak Pembangkang mengemukakan banyak persoalan mengenai perbelanjaan ini.

Kami amat hairan mengapakah, walaupun kenaikan gaji diumumkan untuk semua kakitangan Kerajaan, tetapi nampaknya penampungan perbelanjaan diberi secebis-secebis di bawah Kementerian-kementerian yang berlainan, pada masa-masa yang berlainan. Apakah Kementerian yang lambat meminta tambahan Perbekalan untuk tujuan emolumen, lewat melaksanakan kenaikan gaji atau telah menggunakan wang yang diperuntukkan untuk maksud atau projek lain untuk bayar gaji? Bagi tindakan kedua, adakah ini sah dari segi peraturan kewangan negara?

Tuan Yang di-Pertua, memang skim kenaikan gaji dengan insentif-insentif yang telah saya sebutkan dengan golongan-golongan kritikal—bukan kritikal, oleh kerana sakit—kritikal kerana di dalam perkhidmatan profesional yang sangat diperlu oleh Kerajaan kerana kekurangan orang-orang mahir dan kekurangan orang-orang profesional di dalam perkhidmatan Kerajaan dan disebut kritikal. Dengan itu, memang akan timbul kerumitan sedikit mengenai pengakaunan dan juga saya berharap apabila Kertas Perintah atau Memorandum dikemukakan kelak, pihak Kerajaan akan memberi butiran yang berasingan dan lengkap mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara lagi yang hendak saya sebulkan di sini iaitu mengenai Multi Lateral Investment Guarantee Agency—M-I-G-A—MIGA, sebuah agensi di bawah

Bank Dunia dan saya nampak pihak Kerajaan telah memberi sumbangan, yang tidak silap saya lebih \$3 juta untuk menjadi Ahli Multi Lateral Investment Guarantee Agency—MIGA. Sukalah saya bangkitkan di sini, bahawa dua minggu yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah membuathujah supaya semua wakil daripada Commonwealth menekankan bahawa semua pinjaman ataupun semua bantuan daripada Bank Dunia tidak boleh dikaitkan dengan hak-hak asasi ataupun amalan demokrasi. Itu yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan kemudian saya baca di sini sebanyak \$3.5 juta untuk dicarumi kepada MIGA supaya Malaysia menjadi Ahli MIGA. Adakah maksud ataupun matamat Kerajaan memasuki MIGA untuk menjadi champion ataupun jaguh menghapuskan semua syarat ataupun terma hak-hak asasi manusia ataupun amalan demokrasi sebagai syarat untuk pinjaman dan bantuan Bank Dunia. Adakah itu maksud Kerajaan Malaysia?

Ini sangat penting kerana pihak Amerika sentiasa mengkaitkan pinjaman ataupun bantuan kewangan dengan hak-hak asasi dan demokrasi dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengenai hal ini. Mungkin dia tidak dapat jawab tanpa berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau begini, tidak adillah. Baik kita jawabkan hal yang begitu penting, kerana kalau kita

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat Kepong, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat daripada Kepong, sama ada dia boleh membezakan antara apa yang

dibicarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kebela-kangan ini dengan perkara di hadapan kita iaitu MIGA, di mana MIGA sebagai salah satu daripada badan Bangsa-bangsa Bersatu yang dicarumi oleh banyak negara, tidak kurang 50 buah sebagai ahlinya dengan tujuan untuk menampung risiko-risiko berdasarkan kepada perkara-perkara yang berkaitan bukan perkiraan komersial dan juga perkara-perkara yang bukan disebabkan persoalan yang berkaitan dengan alam semula jadi. Bahkan lebih khusus disebabkan perkara-perkara yang tidak boleh diteka dan dijangkakan, terutama sekali perubahan-perubahan politik dalam sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Kepong itu boleh membezakan di antara menjadi Ahli MIGA dengan tujuan untuk memelihara kepentingan masyarakat pelabur dan masyarakat peniaga di antara negara-negara yang terlibat, tidak kira mereka yang datang sebagai pelabur dari Malaysia ke negara yang menjadi Ahli MIGA ataupun negara lain yang datang melabur di Malaysia. Jadi, saya hendak bertanya dua perkara supaya Yang Berhormat boleh menjawab, sama ada dia faham atau tidak faham. Ralau dia tidak faham, dia tidak boleh memberi penjelasan. Saya minla dia fahamlah pada peringkat itu.

Dr Tan Seng Giaw: Macam mana kita hendak faham, di sini dikatakan MIGA ialah sebuah Agensi Bank Dunia, tetapi Yang Berhormat kala tadi itu Bangsa-bangsa Bersatu. Mana yang benar?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ini yang orang pulih kata nit-picking. Jadi, saya begitu sabar mendengar apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong ini.

Maka di antara agensi yang diwujudkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berbagai-bagai, di antaranya Bank Dunia, Tuan Yang di-

Pertua. Jadi, MIGA adalah diwujudkan ekoran daripada persetujuan di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu dalam bentuk institusi-institusi seperti begini. Jadi, kalaulah Yang Berhormat dari Kepong ini hendak berhujah, biarlah jangan sampai ke peringkat nit-picking, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan nit-picking. Walau bagaimanapun, saya setuju sedikit, dia memang ada membuat homeworks sedikit. Itu syabas, syabas. Tetapi daripada penjelasan ini, satu ayat sahaja, macam mana saya dapat tahu apa yang akan dibuat sebagai ahli MIGA. Saya tak tahu. Kalau maksud untuk ke MIGA untuk memelihara kepentingan negara, untuk memelihara kepentingan 50 ahli, saya setuju dengan itu. Tetapi selepas penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalau daripada satu ayat di sini, tak payahlah. Kita tak boleh tahu ini, bukan nit-picking atau tidak nit-picking.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai kenaikan yuran di universiti-universiti tempatan, saya nampak ada \$10 juta diminta di sini kerana wang ini dikehendaki sebagai pemberian kepada universiti-universiti bagi maksud memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk menampung kenaikan yuran pengajian. Memang dengan kenaikan harga, kenaikan Consumer Price Index dengan belanja yang banyak, universiti-universiti tempatan perlu menambahkan perbelanjaan sehingga kenaikan yuran pengajian dikenakan. Perbuatan ini sudah menimbulkan masalah di kalangan pelajar yang tidak mampu atau kurang mampu. Dan saya setuju kalau Kerajaan dapat memperuntukkan wang sebanyak \$10 juta untuk memberi bantuan kepada para pelajar supaya mereka dapat melanjutkan pelajarannya. Di sini saya hendak bertanya sama ada semua pelajar yang diambil oleh pihak universiti pada awal sessinya sudah dapat melanjutkan atau menyertai pengajian di universiti,

kerana saya diberitahu ada sebahagiannya tidak dapat pergi ke universiti kerana tidak mampu dan sama ada keadaan ini sudah dipulihkan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap wang \$10 juta boleh digunakan dengan baik dan cara-cara untuk memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan dibuat dengan adil dan saksama supaya semua yang tidak mampu dapat peluang untuk melanjutkan kepengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya ingat serius bagi saya kerana setiap kali ada Kementerian atau Jabatan pindah ke tempat yang lain, belanjanya sangat besar dibuat. Di sini terdapat Kementerian Perpaduan, kalau tak silap saya, saya nampak dari salah satu Maksud Bekalan yang membelanjakan hampir \$2 juta untuk pindah pejabat. Saya tak nampak mengapakah kita mesti gunakan wang yang begitu banyak untuk berpindah. Apakah cara yang digunakan untuk pindah pejabat itu sehingga hampir \$2 juta digunakan, kalau tak silap saya mungkin \$0.5 juta digunakan, saya lak boleh dapat butiran yang lanjut. Walau bagaimanapun, saya mencadangkan supaya satu garis panduan ataupun sekurang-kurangnya sekatan dibuat ke atas perbelanjaan untuk berpindah pejabat. Kerana kadangkala kita tengok sebuah pejabat misalnya JKR dipindahkan ke Kompleks Damansara, adakah ini perlu dan begitu juga Kementerian Perpaduan dipindahkan, adakah ini perlu? Dan ruangan atau bangunan di mana ia dipindahkan, adakah yang paling sesuai? Mungkin, saya tidak pasti apa yang sebenarnya dibuat, tetapi mungkin \$500,000 sudah cukup untuk pindah pejabat. Walau bagaimanapun, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan saya dan menerima cadangan saya untuk membuat satu garis panduan bagi semua Kementerian atau Pejabat Kerajaan yang bakal dipindahkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Pasir Mas.**

5.47ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pertamanya mengenai Kertas Perintah 14 dan 15.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya merujuk kepada perkara-perkara yang khusus mengenai dengan peruntukan perbelanjaan tambahan ini terutamanya bagi tahun 1991 iaitu Kertas Perintah 14 dan 15, saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan, sebab apabila saya meneliti peruntukan ini sememangnya kalau dilihat dari segi peruntukan tambahan untuk belanja Mengurus, tidak ada banyak perkara yang sensitif kerana sebahagian besarnya ialah untuk menampung kenaikan gaji, kecuali beberapa perkara yang saya kira memang tidak sensitif. Sementara itu dari segi anggaran pembangunan pula, peruntukannya tidaklah besar iaitu lebih kurang \$107 jua yang diperlukan.

Apa yang saya ingin menarik perhatian di sini, sebagai asas kepada Belanjawan yang akan dibentangkan pada 1hb. November 1991, saya ingin mengetahui melalui perbahasan Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini, sesudah Kerajaan ataupun pihak Kerajaan meletakkan dasar menuju ke arah matlamat Wawasan 2020. Ataupun dengan lebih tegas untuk melahirkan negara maju, sesudah kita sampai ataupun tamal dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, maka hendak menuju kepada negara maju.

Saya ingin bertanya apa jua peruntukan untuk pembangunan termasuk peruntukan tambahan sama ada segala program dan aktiviti itu diberi keutamaan dari segi priority dan menepati dengan kehendak dan matlamat yang hendak dicapai.

Saya hendak merujuk dahulu kepada kertas Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, Kertas Perintah 14/1991.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya lihat di sini, yang menerima anggaran tambahan ini ialah mengenai dengan Kementerian, contohnya, saya hendak sebut Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan semua peruntukan ini saya lihat tidak lebih daripada hendak membesarkan bangunan, macam Kementerian Belia dan Sukan hendak tambah asrama, hendak besarkan asrama. Kalau hendak saya nyatakan satu persatu, saya boleh terangkan di sini, Kompleks Budaya Negara, yang sememang saya anggap semua ini penting. Tetapi yang saya ingin menekankan di sini ialah Kementerian yang memohon peruntukan tambahan ini juga Kementerian yang tidak ada peruntukan tambahan, saya hendak bertanya di manakah sensitivitinya dari segi, human resources development programme, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, human resources development programme, yang saya maksudkan ialah lebih menitikberatkan dari segi priority ke arah pembangunan human resources development, dengan izin, yang saya kira inilah agenda yang paling utama bagi negara kita dalam menuju matlamat Wawasan 2020.

Kementerian Belia dan Sukan, di sini peruntukan Asrama Belia—\$192,000 bukan banyak. Cuma saya hendak menyebut contoh, kalau boleh cuba kita memikir sejenak, mengertikan dahulu sekejap memikir, supaya dari segi projek-projek membesarkan asrama, membesarkan dewan ini kita hentikan ataupun kita kurangkan dahulu tetapi lebih menitikberatkan kepada perun-

tukan pembangunan yang boleh mewujudkan ke arah perkembangan human resources tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya khawatirkan apabila kita bercakap mengenai soal negara maju, apabila saya membaca Laporan Ekonomi dan saya turut bangga bila melihat berbilion ringgit pelabur asing datang ke negara kita yang diluluskan oleh MIDA tiap-tiap tahun dan sekarang ini kita sudah sampai kepada tahap yang cemas sehingga terpaksa mengizinkan tenaga-tenaga pekerja asing bekerja di negara kita, artinya bahawa kita tidak ada skilled workers, tidak cukup tenaga pekerja. Dengan jumlah pelabur asing yang datang, pekerja-pekerja kilang yang terlatih, maknanya skilled workers, iaitu golongan teknikal. Saya ingin tahu berapa banyak kita memerlukan tenaga ini, kalau ikut kepada workforce negara kita sekarang ini 6.6 juta dan kalau kita buat kajian untuk jangka sepuluh atau dua puluh tahun yang akan datang berapa juta lagi. Bagaimana persediaan setiap Kementerian dari segi hendak melatih, melahirkan human resources ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencari tadi, adakah peruntukan tambahan daripada Kementerian Sumber Manusia, sama ada institusi ITI akan dimajukan, dibesarkan, apa lagi peruntukan tambahan yang diperlukan. Itu contohnya, ataupun di bawah Kementerian Perusahaan Awam yang bertanggungjawab kepada MARA, sejauh mana dari segi program human resources development, melalui IKMnya. Kementerian Pendidikan dari segi vocational trainingnya. Kementerian Belia dan Sukan, saya tengok Pusat Belia Pelopor Negara yang sudah bertahun-tahun wujud. Baru-baru ini saya pergi sekali lagi, makan angin sahaja. Saya tengok programnya, tidak lain dan tidak bukan, dok belajar menjahit lagi. Menjahit dan membaiki basikal. Selepas itu kalau kita tengok program KEMAS pun menjahit di kampung-kampung. Pusat Giat MARA pun menjahit. Berapa ramai kita hendak

lahirkan tukang jahit dalam negara kita? Baik tukang jahitkah, baik tukang membaiki basikal. Bukan tukang jahit itu tidak penting tetapi yang saya hendak memberi penekanan dari segi orientasinya, daripada kieu melahirkan tukang jahit, kenapa tidak kita melahirkan golongan technical operators dalam textile industries. Menyediakan golongan tenaga pekerja seumpama ini, kalau kita hendak mencapai kepada negara maju. Tetapi apabila saya lihat peruntukan tambahan, tidak memberi reflaksi yang sebenar ke arah mencapai matlamat tersebut. Bukan sahaja kita perlu melatih tenaga-tenaga pekerja yang mahir di peringkat technicals ini, dari segi entrepreneur, baik dari segi teknikal, dari segi perindustrian, baik dalam bidang ini, saya hendak tahu program yang konkrit daripada semua Kementerian dalam memberi input ke arah mencapai matlamat tersebut.

Peratus pengangguran kita masih tinggi, drop-out kita pun banyak terutamanya anak-anak Melayu yang kita tengok, yang tidak lulus, ataupun yang tidak dapat melanjutkan pelajaran, yang drop-out SPM, STPM—cukup banyak. Tetapi kita tidak ada tenaga pekerja yang mahir, kalau hendak dihantar bekerja di kilang elektronik, di kilang komputer setahun, dua tahun, kita kena latih mereka ini. Mana hendak dapat mereka ini, mereka tidak terlatih. Maka terpaksa dicari di luar negeri. Apa persediaan program seumpama ini oleh Kementerian-kementerian yang ada dalam Kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut.

Sebab itu saya ingin mencadangkan supaya rethinking ini dibuat semula. Saya tidak tahulah Belanjawan yang akan dibentang pada 1 November ini untuk tahun 1992 nanti akan membawa ke arah itu ataupun, dengan izin, as a matter routine sahaja, dari segi ke arah pembangunan yang sebenarnya. Saya sebut tadi mungkin ratusan ribu yang sudah drop-out terutamanya saya hendak

menekan di kalangan golongan pelajar Melayu. Pelajar bukan bumiputera pun bukan tidak penting, penting. Tetapi mereka walaupun drop-out ada Sunway College, ada Damansara Utama, ada Federal Institute of Technology. Yang kita di kalangan anak-anak Melayu, yang ada ITM, Vocational, pertambahan berpuluh-puluh ribu setiap tahun pelajar-pelajar. Jadi, bagaimana bimbingan untuk mereka ini. Dan inilah sepatutnya digunakan seliap resources Kementerian yang ada mencari jalan melalui Kementerian masing-masing untuk mendapatkan mereka ini melalui institusi masing-masing, melatih mereka ini menjadi tenaga kepada penggerak ke arah hendak mencapai negara maju lagi, melahirkan skilled workers tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini hendak dibuat rethinking, sebab saya lihat memang, saya menyokong penuh peruntukan, tidak ada masalah sebab tidak ada perkara yang sensitif, semuanya baik-baik, cuma tinggal lagi kalau hendak soal, kenapa banyak, untuk program apa, untuk tujuan apa. Dan saya percaya ianya semua untuk tujuan baik.

Saya mencadangkan untuk huraian yang lebih lanjut lagi mungkin dalam perbahasan Belanjawan tetapi dalam konteks peruntukan perbelanjaan pembangunan sejak Penggal Kedua di Dewan Rakyat ini, saya tengok trendnya tidak berubah, dari segi penyediaan peruntukan tidak berubah. Jadi, soal dari segi undang-undang dan peraturan yang wujud, Kementerian-kementerian meminta peruntukan daripada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan pula mengagih-agihkan, selepas itu kita tengok pula ada setiap tahun ada peruntukan yang tidak cukup, ada peruntukan yang tidak diguna pun banyak juga, tidak dipakai pun ada juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya apakah mungkin Kerajaan mengkaji semula sistem pengurusan kewangan negara terulamanya dari segi apabila setiap Kementerian itu memberi peruntukan,

apakah dari segi menggunakan wang itu, baik dari segi kelulusan projek, tender dan sebagainya, apakah perlu dicentralisekan semula supaya ditentukan oleh Kementerian yang ada masing-masing. Tidak lagi semata-mata di bawah Kementerian Kewangan 100%, sekian juga projek, sekian banyak, mesti dilulus oleh Kementerian Kewangan. Jadi, seolah-olah Kementerian Kewangan sudah menjadi satu institusi Kementerian yang kadang-kadang mungkin lebih besar daripada Jabatan Perdana Menteri. Apa fungsi dan kuasa Menteri kalau mereka tidak diberi kepercayaan untuk mengendali dan mengurus kewangan dan projek yang sudahpun ditetapkan melalui Dewan yang mulia ini.

Mcmang dahulu mungkin ada niat yang baik supaya ianya segala-galanya dikawal oleh Kementerian Kewangan dari segi pentadbiran yang prudence hendak bersih supaya tidak ada penyelewengan dan sebagainya. Tetapi apabila segala-gala tertumpu kepada Kementerian Kewangan, tertumpukah atau tidak Kementerian Kewangan untuk mengendalikan semua operasi? Maka sebab itu, saya minta juga perkara itu untuk direthinking balik sama ada perlu atau tidak. Sebab saya lebih mempercayai apabila peruntukan itu diberi kepada tiap-tiap Kementerian, maka biarlah Kementerian itu menentukan baik dan segi meluluskan projek, dari segi tender dan sebagainya, ditemukan oleh Kementerian berkenaan, daripada kita centralisekan kepada Kementerian Kewangan. Tidak terdaya untuk menjaganya macam-macam isu. Kalau saya hendak bangkitkan umpamanya, ada isu rungutan. Dan kalau kita baca dari segi dasar, dari segi niat ataupun matlamat, semuanya baik, tetapi dari segi pelaksanaan dan sebagainya tidak upaya.

Jadi, ini saya hendak bercakap dari segi perkara umum bersabit dengan Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini.

Dua perkara saya sebut tadi, soal dari segi dasar, dari segi soal priority, keutamaan, dari segi human resources development dan juga dari segi pengurusan.

Sekarang saya hendak masuk kepada perkara-perkara yang khusus iaitu Kerlas Perintah 13 lebih dahulu, iaitu Jabatan Perdana Menteri, mukasurat 5, Maksud B.7, tambahan sebanyak \$40 juta dikehendaki untuk membiayai projek kecil, struktur kemudahan-kemudahan awam dan sosial. Ini saya menyokong penuh. Cuma sayajangka peruntukan ini sepatutnya tambahkan lebih banyak lagi. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, what is \$40 million, memandangkan dari segi kedudukan pembangunan di luar bandar.

Tadi saya kata, saya tidak suka bangunan-bangunan hendak ditambah lagi, asrama atau sebagainya. Tetapi jangan salah faham, yang saya maksud dari segi infrastruktur, jalan-jalan kampung, jalanraya, kemudahan-kemudahan untuk orang kampung. Apa benda \$40 juta. Satu projek jejambat dalam bandar nilainya berapa puluh juta? \$100 juta, \$500 juta, \$200 juta. Tetapi di kampung-kampung diharap dengan \$300 ribu yang diluluskan oleh Majlis Daerah—yang parti Pembangkang sibuk kata tidak dapat—memang tidak dapat pun. Itu dibuat oleh saluran Kerajaan. Selepas itu ada suatu peruntukan khas satu-dua, cukup atau tidak. \$40 juta, apa benda. Saya jangka tidak kurang \$200 juta, \$300 juta diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar, orang-orang Melayu yang menjadi tonggak kepada politik negara ini. \$40 juta, apa benda. Hendak buat apa, saya kira kecil. Saya minta supaya peruntukan seumpama ini tambahkan lagi.

Kementerian Kewangan tidak patut bimbang, sebab dari segi \$40 juta saya katakan tadi, too small, dengan izin, terlalu kecil. Kita ada kawasan di

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, kalau dari segi kawasan Parlimen, berapa jumlah sekarang—180. Kalau kita bahagikan berapa banyak peruntukannya. Betullah, ini hanya tambahan, mungkin sudah ada dahulu. Tetapi bagi saya, kalau campur tambahan yang dahulu pun tidak cukup. Hendak baiki satu jalan kecil kampung untuk projek infrastruktur sudah memakan perbelanjaan \$20,000, \$30,000, walaupun tidak sampai pun 20 depa, 30 depa. Jadi, biarlah dari segi peratusan itu pembangunan untuk seumpama ini seimbang dengan pembangunan yang kita buat di bandar-bandar. Bandar adalah penting, sebab pusat pentadbiran negara, seperti di Kuala Lumpur, kawasan Parlimen Bukit Bintang, DAP bising macam-macam, tetapi di Kuala Lumpur apa benda semua ada. Tetapi di kampung-kampung macam mana?

Kita tahu masih banyak lagi kekurangan, tetapi pihak Pembangkang tidak bela pun dalam perkara seumpama ini, terutamanya dari segi pembangunan di luar bandar. Kalaupun tidak bela, kekurangannya tidaklah sehebat sebagaimana kita lihat mereka membela isu-isu yang saya kira yang tidak patut pun diberi publisiti yang besar.

Kita mesti lihat dari segi projek infrastruktur di setiap kawasan daerah secara khusus, bukan hanya soal air, api sahaja, kemudahan lain setanding ataupun tidak. Sebab itu, apabila orang kampung datang ke Kuala Lumpur, ke bandar-bandar, sekali bawa rombongan lawatan sambil belajar, mereka rasa seolah-olah sudah duduk di New York, mari ke Kuala Lumpur. Maknanya seolah-olah baru keluar daripada hutan. Begitulah perbezaannya sehingga mereka mengatakan apa bezanya kita, antara rakyat bandar dengan rakyat luar bandar. Sebab itu, saya hendak cadangkan projek untuk infrastruktur, kemudahan awam dan sosial ini, di bawah tajuk ini dalam Belanjawan tahun

1992 ini, saya tidak tahulah mungkin sudah ditetapkan, kita tidak tahu, tetapi saya harap ianya benar-benar dilipatgandakan ataupun ditingkatkan dengan jumlah yang munasabah. Kalau untuk satu kawasan Parlimen, untuk projek infrastruktur \$300,000 yang ditentukan sekarang ini, apa benda kalau kita kata setahun \$1 juta—baru \$180 jula. Kalau \$2 juta, baru \$360 juta. Tidak banyak. Jadi, saya harap ianya diberi perhatian dan diberi pertimbangan.

Selepas itu, saya hendak tanya mengenai dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, peruntukan tambahan \$10,674,700. Ini butiran nombor (1) \$9,970,000, Tuan Yang di-Pertua. Ini hendak membiayai bayaran kemajuan pembinaan pavilion dan kerja-kerja yang berkaitan bagi penyertaan Malaysia dalam Eksposisi Seville Sepanyol pada tahun 1992, kita menyokong. Apa jua program di luar negara, baik dalam konteks memperkenalkan negara kita dari segi pelancongan ataupun dari segi perdagangan, eksport ataupun seumpamanya, tetapi \$9,970,000 pavilion apa bentuk, saya hendak tahu. Apa bentuk pavilionnya? Besar mana saiznya sampai belanja begini. Tetapi kalau ianya munasabah dari segi returnnya, tidak ada masalah. Sebab itu dalam perbincangan yang awal dahulu pun pernah saya menyebut lawatan keluar negeri, program keluar negeri, kita menyokong, termasuklah program seumpama ini. Tetapi dari segi munasabah perbelanjaan \$9 juta, apakah ianya tapak yang kekal? Sebab kita hendak tahulah, yang buatannya mungkin orang di sana, kontrak yang menyediakan pavilion. Kontrak macam mana? Siapa yang pilih, kita tidak tahu ini semua. Mereka yang di sini bertanggungjawab atas perbelanjaan di sana sampai \$970,000.

Saya bimbang nanti, sesudah program ini selesai kita dapat lihat melalui TV ada gambarkah, dapat maklumat atau laporan nanti ianya tidak sehebat

dengan jumlah belanja yang diperuntukkan. Sebab itu, kita hendak supaya ianya berhati-hati dan saya ingin mendapat penjelasan, kerana saya bimbang kalau tidak nanti mungkin jadi isu. Pihak parti Pembangkang nanti tunggu sahajalah. Itu sahaja saya hendak ingatkan supaya ianya biarlah betul-betul munasabah dari segi perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan, dari jumlah \$150 juta, 5115,460,900 ini untuk kenaikan bayar gaji. Yang saya lihat di sini \$10 juta dikehendaki sebagai pemberian universiti tempatan bagi maksud memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk menampung kenaikan yuran pengajian. Setuju, lebih daripada bersetuju. Cuma tinggal lagi cukup atau tidak cukup. Dan saya difahamkan sekarang ini pelajar-pelajar kita memang menghadapi masalah dari segi membayar yuran, menampung kos belanja di universiti sekarang ini. Sehingga saya difahamkan bahawa ada berlaku insiden di mana pelajar-pelajar yang sudahpun memasuki universiti, tetapi tidak ada kemudahan pinjaman ataupun mendapat kemudahan pinjaman, tetapi lambat bayar sehingga sudah ada yang berhenti dari universiti kerana tidak mampu. Atau pun dari segi mereka yang bercadang ataupun pelajar-pelajar yang baru masuk tahun satu. Bukan main sukar. Dahulu ada kemudahan pinjaman.

Kemudahan biasiswa sekarang ini tidak banyak. Lebih-lebih lagi sekarang ini dengan kos yang begitu tinggi. Oleh sebab itu, saya menyokong dan ini pun, kalau ditambahkan lagi, saya lagi sokong sepenuhnya, Tuan Yang di-Pertua. "No problem." Ini asalkan untuk memberi kebaikan dan kemudahan kepada mereka dan ini sesuai dengan matlamat negara kita.

Selain daripada itu, dari segi Kementerian Pendidikan pula terutama mengenai kenaikan gaji, saya hendak

sentuh sedikit. Mungkin disifatkan di dalam perkara besar tetapi ada berkait sedikit, mungkin apa yang dikatakan polilik tetapi tidaklah politik *per se*, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan guru-guru yang dinaikkan gaji ini, yang mendapat kenaikan ke Skim 2 gaji ini. Mereka mendapat durian runtuh ataupun sebagainya, tetapi apa yang saya ingin tekan di sini supaya Kerajaan mengkaji balik. Sekarang ini, guru-guru sekolah rendah ataupun tidak berada dalam Kumpulan 'A' diizinkan berpolitik. Maknanya boleh pegang jawatan di dalam mana-mana parti politik. Tetapi dalam Kumpulan A, mereka ini tidak benarkan. Saya tengok kerja guru ini, sepatutnya asalkan mereka tidak mengabaikan tanggungjawab kepada pendidikan seperti guru sekolah rendah sekarang terlibat dalam politik dan pegang macam-macam jawatan. Apakah yang sebenarnya menyebabkan kita menghalang mereka yang dalam Kumpulan A. Sebab fungsi dan tugasnya sama dalam konteks mentadbir sekolah ataupun seumpamanya. Maka dengan penyusunan semula kakitangan awam yang ada sekarang ini kepada 4 kategori, maka mereka yang dalam bidang pendidikan, yang saya kira berhubung rapat dengan masyarakat. Mereka ini ada kaitan dengan pembangunan masyarakat di semua peringkat, terutamanya dengan ibu-bapa. Maka saya mencadangkan supaya apabila disusun kedudukan kategori ini bagi guru-guru yang sedia adalah Kumpulan A, mereka sepatutnya diizinkan berpolitik dan boleh memegang jawatan dalam parti-parti politik yang mereka pilih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Polis DiRaja Malaysia, mukasurat 8, Kertas Perintah 13, peruntukan \$32,179,100 dinaikkan untuk menampung kenaikan bayaran gaji 5% bagi pegawai Polis dan kakitangan awam pun samalah dengan lain-lain Kementerian yang tadi dinaik

kenaikan gaji 5%. Cuma hal Polis ini, saya hendak tambah sedikit, kerana saya sering mengambil bahagian apabila sampai kepada masalah-masalah kebajikan pegawai-pegawai Polis, kemudahan kenaikan pangkat dan sebagainya. Kalau saya tidak silap, beberapa hari lalu ada diberi jawapan di Dewan yang mulia ini ada macam-macam kategori dan elaun untuk kakitangan Polis. Cuma tinggal lagi saya minta supaya kebajikan Polis di semua peringkat samalah juga dengan kebajikan kakitangan yang essential, yang penting seperti baru-baru ini timbul masalah kekurangan doktor-doktor pakar sehingga diberi kemudahan khas atau supaya mereka kekal berkhidmat, tidak meninggalkan jawatan dan tidak lari oleh kerana tidak cukup doktor dan sebagainya, maka diwujudkan perkara-perkara yang lebih menarik supaya mereka kekal dengan kerja masing-masing. Saya anggap Polis pun sama juga, walaupun tidak timbul soal kekurangan. Tetapi dari segi kebajikan mereka yang bertanggungjawab kepada kestlamatan negara kita ini, saya masih lagi pun berpendapat perhatian kepada kebajikan Polis adalah perlu, walaupun kita anggap sempurna setakat ini, tetapi ganjaran yang sepatutnya mereka perolehi belum lagi memadai tugas dan khidmat yang mereka telah beri kepada negara kita.

Kita tengok gaji-gaji kakitangan di peringkat rendah, jauh daripada mencukupi dari segi kadar inflasi dan menampung kadar hidup sekarang ini. Oleh sebab itu, saya minta supaya diberi beberapa lagi lain-lain kemudahan kepada kakitangan Polis di semua peringkat. Kalau tidak melalui kenaikan gaji, tetapi dari segi kemudahan elaun, dari segi kenaikan overtime dan sebagainya supaya mereka lebih canggih, lebih tinggi dari segi khidmat, dan saya percaya tugas mereka adalah lebih mencabar dari segi kalau dibandingkan dengan lain-lain sektor Perkhidmatan Awam kerana walaupun

kita maju tetapi berbeza dari segi tanggungjawab menjaga keselamatan, baik dari segi cabaran dadah ataupun perompakan, macam-macam peristiwa yang berlaku di dalam masyarakat kita. Terutamanya di bandar-bandar ini sudah sampa peringkat metropolititan, maka mereka haruslah diberi ganjaran yang lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin merujuk kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Maksud B.56, mukasurat 9. Tambahan sebanyak SIO juta adalah dikehendaki untuk membiayai sumbangan Kerajaan kepada Yayasan Kebajikan Negara bagi membantu badan-badan kebajikan dan kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik seperti orang cacat, orang tua dan anak-anak yatim. Ini suatu peruntukan tambahan yang tepat bagi tujuan menolong mereka yang tidak berdaya, mereka yang tidak seperti kita yang dalam Dewan yang mulia ini, baik dari segi panca inderanya, dari segala segi kehidupan terutamanya orang-orang cacat, orang tua dan anak-anak yatim. Maka sudah tentu kita cukup besar hati dan kita terasa bahawasanya Kerajaan benar-benar bertanggungjawab dalam melaksanakan apa yang dikatakan masyarakat penyayang (the caring society).

Saya ingin mengetahui apakah jumlah orang-orang cacat, orang tua dan anak-anak yatim di negara kita ini benar-benar sudah pun diberi perhatian yang sewajarnya ataupun tidak lebih daripada kita jaga setakat anak-anak yatim. Ada rumah anak yatim di mana makanan cukup setakat itu, ataupun apakah yang patut dilakukan lagi bagi membantu mereka ini, terutamanya anak-anak yatim dan orang-orang cacat dan juga orang-orang tua. Tetapi untuk anak-anak yatim dan orang cacat, selain daripada membantu dari segi kebajikan, lebih baik mereka dilatih seperti ada setengah-setengah program yang sudahpun dibuat sekarang ini.

Kalau diberi tumpuan lebih, mereka juga akan menjadi satu golongan masyarakat yang produktif, mungkin lebih daripada orang-orang yang sempurna seperti setengah-setengah golongan. Ada setengahnya itu, Yang Berhormat dari Larut bertanya janda-janda. Itu masalah janda-janda, boleh Yang Berhormat dari Larut tolong menghuraikan nanti. Tetapi tinggal lagi, untuk mereka ini, sebab kita lihat apabila seorang yang buta tetapi bila diberi segala kemudahan, rupa-rupa mereka, sumbangan produktiviti mereka lebih baik daripada yang celik. Tengok seorang professor di Universiti Malaya—Professor Ismail. Kalau orang-orang itu sudah menjadi contoh, saya percaya kalau orang-orang buta yang lain diberi perhatian seumpama itu, mereka juga akan boleh memberi sumbangan, lebih baik daripada yang cukup dari segi panca inderanya. Orang-orang yang cukup panca indera, ada juga yang menjadi penipu. Yang kita lihat macam-macam penyelewengan yang berlaku dilakukan oleh orang-orang yang sempurna, dari segi panca indera ini sehingga kepada peringkat kelulusan yang begitu tinggi.

Tetapi golongan seumpama ini, saya percaya tidak seharusnya ditinggalkan, terutamanya orang-orang cacat dan seumpamanya. Apakah cukup dengan program yang ada sekarang ini iaitu ada diberi latihan, mengubah kraftangan, menjahit ataupun pertukangan yang kecil-kecilan. Tetapi bagi saya, mereka boleh didedahkan kepada program yang lebih besar. Malah apakah sudah ada orang-orang cacat di negara kita dihantar ke luar negeri untuk lagi mengikuti kursus-kursus yang kita kira setanding, sama dengan golongan-golongan lain. Ini saya hendak tahu, termasuklah anak-anak yatim ini.

Jadi, saya harap Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberi perhatian yang lebih dan saya percaya walaupun sudah

lebih tetapi kita harap menekankan lagi supaya mereka juga menjadi tenaga bagi menggerak negara kita ke arah negara maju dalam menuju ke arah Wawasan 2020 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk pula kepada Kertas Perintah 15 iaitu Pembangunan dan Anggaran Pembangunan 1991. Pertamanya saya hendak merujuk kepada peruntukan kepada Balai Bomba dan Bangunan iaitu bersabit dengan \$847,000 dikehendaki untuk membiayai sebahagian daripada harga pembelian Bangunan Jaya di Kuala Lumpur bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba Wilayah Persekutuan. Dewan diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$847,000 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka. Ini untuk beli bangunan. Jadi, saya ingin tanya sama ada selalunya bila kita perlu kepada bangunan untuk Jabatan Kerajaan termasuklah Balai Bomba selain daripada kita beli yang sedia ada kita buat tetapi sekarang ini kita beli. Untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba yang saya ingin menarik perhatian di sini apakah bangunan yang ada ini cukup dengan keperluan yang ada sekarang ataupun sudah difikirkan keperluan dari segi S, 10,20 tahun. Kalau di Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan, apa-apa perancangan dia kena fikir 10 atau 20 tahun akan datang. Jangan fikir untuk selesai yang sekarang. Apakah cukup kalau berlaku kebakaran? Kita lihat masih ada lagi kekurangan dari segi perkhidmatan bomba ini kalau berlaku kebakaran. Ertinya, yang saya hendak menarik perhatian ianya mestilah lebih besar dari segi Jabatan Bomba ini kerana mesti sesuai dengan keperluan negara sekarang dan juga akan datang. Kalau kita buat untuk sekarang jadi akan datang tidak ada tempat, hendak cari tempat lain pula. Jadi, dari segi perancangan itu tidak sempurna. Sebab itulah kita kena tengok 5,10 tahun akan datang supaya sesuai dengan tuntutan yang diperlukan.

Tadi sudah disebut, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan, peruntukan \$192,000 Asrama Belia. Ini Asrama Belia di Port Dickson, elok saya sokong. Tetapi kalau boleh pada masa akan datang peruntukan tambahan janganlah asrama-asrama atau pembesaran bangunan sahaja tetapi meningkatkan program yang saya katakan tadi dari segi human resources yang lebih penting.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada lagi yang saya hendak sebut terutamanya dua perkara lagi iaitu Kompleks Budaya Negara \$785,000 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran terakhir kepada kontraktor, juruperunding, alat hawa dingin, telefon dan sebagainya. Jadi, Kompleks Budaya Negara ini penting dan kita harap Kompleks Budaya Negara ini menjadi satu kompleks yang benar-benar termasyhur, bukan setakat ada Kompleks Budaya tetapi setanding dengan Kompleks Budaya di negara-negara yang lain yang kita ketahui. Sekarang ini kita sudah ada Taman Pertanian di Bukit Cerakah yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian yang dahulu ramai orang agak pesimis tetapi cita-cita Menteri Pertanian hendak menjadikan Taman Pertanian setanding dengan Alhambra di Perancis saya percaya mungkin 4, 5 tahun akan datang menjadi kenyataan. Kita tengok beribu satu hari sekarang orang melawat Taman Pertanian. Ini hakikat satu perkara yang mesti diakui.

Begitu juga dengan Kompleks Budaya Negara ini supaya ianya benar-benar mencerminkan budaya negara kita yang benar-benar bersifat multi-racial tetapi dengan menekankan bahawa budaya pribumi negara kita sebagai teras kepada kebudayaan nasional yang pernah dipersetujui sebelum ini. Benar-benarlah ianya disusun dengan begitu rupa supaya ianya menarik bukan seperti Muzium Negara kita sekarang ini walaupun menarik tetapi kita lihat semuanya cramp di dalam itu, bercampur-aduk semua di dalam itu.

Tetapi biarlah mengikut sejarah kita, budaya negara kita yang benar-benar boleh dirasakan apabila dilawati oleh pelancong-pelancong dan boleh menjadi sumber ilmu kepada pembinaan negara kita dari segi semangat nasionalisme anak bangsa nanti. Menjadi sumber inspirasi dari segi perjuangan melahirkan semangat patriotik kepada anak bangsa bila melawat Kompleks Budaya Negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak menyentuh soal Memorial Tunku Abdul Rahman yang diperuntukkan tanda \$10 sebagai permulaan yang sudah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan Memorial Tunku Abdul Rahman yang kita harap ianya tidak dilengahkan lagi tetapi kita harap supaya ianya dipercepatkan kerana Memorial Tunku Abdul Rahman ini penting sebagai pengiktirafan kepada Bapa Kemerdekaan negara kita yang sudahpun meninggalkan kita yang tidak ada bersama kita lagi. Tetapi dari segi sejarah perjuangan Almarhum Tunku sewajarnya menjadi ingatan kepada kita semua yang nanti akan diabadikan melalui Memorial Tunku Abdul Rahman ini yang kita harap ianya bukan kita terpaksa tunggu 1,2,3 atau 5 tahun tetapi ianya dipercepatkan supaya ianya menjadi kenyataan yang boleh membanggakan kita semua dari segi mengenang jasa-jasa Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Padang Terap.**

6.25 *ptg.*

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam menyokong Usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan untuk

menambahkan perbelanjaan Perbekalan sepertimana yang disebut di dalam Kerlas Perintah 13A Tahun 1991 dan juga Kertas Perintah 14 Tahun 1991.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya bersetuju dengan sentimen yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai dengan permohonan penambahan perbelanjaan ini kerana kalau kita lihat di sini permohonan untuk perbelanjaan mengurus sahaja adalah 1,000 kali ganda lebih daripada permohonan untuk perbelanjaan pembangunan. Jadi, walaupun komponen-komponen di dalam perbelanjaan mengurus adalah kebanyakannya tertakluk di bawah penambahan gaji tetapi kalau kita lihat banyak daripada perkara-perkara item di dalam bidang pengurusan ini banyak boleh ditambahkan lagi, khususnya di dalam hal R&D (Research & Development) di bawah Kementerian Pendidikan dan juga di bawah badan-badan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah tiap-tiap budget ataupun anggaran perbelanjaan ataupun Usul untuk penambahan perbelanjaan, faktor penting yang kita perlu ikut ialah untuk menambahkan produktiviti negara kerana andainya kos pengurusan negara meningkat tetapi peningkatan produktiviti tidak mengikut dengan

kadar yang setimpal, maka ini akan memundurkan negara kita, ianya akan mempengaruhi trend peningkatan KDNK dan juga trends of fundamentals of economics, yang lain, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya lihat di sini walaupun sebahagian besar daripada penambahan di dalam bidang dan hal pengurusan adalah jatuh di dalam bidang ekonomi iaitu 41.7% tetapi ianya adalah masih lagi memerlukan penambahan yang lain dan juga di bidang-bidang ekonomi yang boleh ditambah lagi.

Saya ingin bercakap mengenai hal ini seterusnya iaitu kaitan kenaikan penambahan kos pengurusan, kos pembangunan dibandingkan dengan produktiviti negara yang boleh dilingkupkan di bawah konsep cost effectiveness di dalam pengurusan kewangan negara. Boleh saya sambung hari Isnin, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa diperuntukkan hari ini sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin minggu depan, jam 2.30 petang.

Dewanditangguhkanpadapukul6.30 petang.